

**GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA: KAJIAN KE ATAS
MANGSA DAN PELAKU DI SEKITAR JOHOR BAHRU, JOHOR.
(Sexual Harassment in work place: A study on victims dan harassers in
Johor Bahru, Johor)**

**ISHAK BIN MAD SHAH (KETUA PENYELIDIK)
HAMIDAH AB RAHMAN
HAPRIZA ASHARI
AMINAH MOHD KHALID
HAMDAN HJ ABDUL KADIR**

NO VOT: 71958

**JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN DAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
2004**

ABSTRAK

Tujuan Kajian ini ialah untuk melihat perbezaan personaliti pelaku dan mangsa gangguan seksual dan bentuk-bentuk gangguan seksual yang dilakukan oleh pelaku dan yang dialami oleh mangsa. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat tahap kefahaman pelaku dan mangsa terhadap terma gangguan seksual. Seramai 48 orang pelaku dan 50 orang mangsa gangguan seksual dipilih secara rawak menggunakan kaedah sosiometrik di sekitar Johor Bahru sebagai subjek kajian. Inventori Personaliti Sidek dan Soalselidik Gangguan Seksual Utara (SGSU) digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data. Data mengenai kefahaman subjek kajian tentang terma gangguan seksual diperolehi dari soalselidik yang dibangunkan oleh pengkaji sendiri berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh pengkaji lepas. Kesemua data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Keputusan kajian menunjukkan faktor demografi boleh dijadikan sebagai petunjuk kepada siapa mangsa dan pelaku gangguan seksual. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kefahaman subjek kajian terhadap terma ini adalah terbatas. Selain itu, keputusan kajian juga menunjukkan bahawa pelaku dan mangsa mempunyai personaliti yang berbeza. Di samping itu, pelaku dan mangsa ini melakukan atau mengalami bentuk gangguan seksual yang berbeza-beza.

ABSTRACT

The objectives of this research are to see the different of both victim's and perpetrator's personality and the form of sexual harassment which always have done by perpetrator and experienced by victim. Other purposes of this study were to investigated the perpetrator 's and victim's understanding about this term. 48 perpetrators and 50 victims of sexual harassment have been chosen randomly by using sosiometric's method as research subject. Sidek Inventory Personality and Utara Sexual Harassment Questionnaire (USHQ) have been used to collect data. The data of understanding of research subjects about sexual harassment term is get from questionnaire which was built by researcher itself based on the past researcher's definitions. All the data had been analysed by using descriptive statistical. The results show that demography factors can be used to indentify who victims and perpetrators are. The results also show that the perpetrator's and victim's understanding of sexual harassment term are limited. Both perpetrators and victims have difference personality and experinced. The perpetrators and the victims also did and experinced the difference form of sexual harassment.

KANDUNGAN

ABSTRAK **SENARAI JADUAL**

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan masalah	2
1.3	Matlamat kajian	9
1.4	Kepentingan kajian	10
1.5	Pengertian konsep gangguan seksual	10
1.6	Pengertian konsep personaliti	14
1.7	Pendekatan-Pendekatan gangguan seksual	17
	1.7.1 Teori seksualiti	18
	1.7.2 Teori biologikal	20
	1.7.3 Model organisasi	21
	1.7.4 Model sosio-budaya	22
1.8	Kajian lepas	23

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN

2.1	Pengenalan	34
2.2	Rekabentuk kajian	34
2.3	Tempat dan subjek kajian	35
2.4	Instrumen kajian	36
2.5	Kaedah Penganalisisan data	42

BAB 3: KEPUTUSAN KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Latar belakang subjek kajian	43
3.3	Kefahaman mangsa dan pelaku tentang gangguan Seksual	46
3.4	Sumber maklumat tentang gangguan seksual personaliti mangsa dan pelaku gangguan seksual	47
3.5		48

3.6	Bentuk gangguan seksual di tempat kerja	51
-----	---	----

BAB 4 : PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

4.1	Pengenalan	55
4.2	Kriteria mangsa dan pelaku gangguan seksual	56
4.3	Kefahaman mangsa dan pelaku tentang gangguan Seksual	58
4.4	Bentuk-bentuk gangguan seksual	60
4.5	Personaliti mangsa dan pelaku	63
4.6	Implikasi kajian dan cadangan langkah-langkah Pencegahan	66
4.7	Batasan kajian dan cadangan untuk kajian akan datang	71
4.8	Kesimpulan	72
	RUJUKAN	73

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Muka surat
Jadual 3.1	Latar belakang mangsa dan pelaku	44
Jadual 3.2	Kefahaman mangsa dan pelaku tentang gangguan Seksual	46
Jadual 3.3	Sumber maklumat gangguan seksual	47
Jadual 3.4	Personaliti mangsa gangguan seksual	49
Jadual 3.5	Personaliti pelaku gangguan seksual	50
Jadual 3.6	Bentuk gangguan seksual yang kerap oleh mangsa di tempat kerja	52
Jadual 3.7	Bentuk gangguan seksual yang kerap dilakukan Oleh pelaku	53

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Gangguan seksual bukanlah satu isu yang baru, tapi telah menjadi isu global yang telah hangat dibincangkan oleh banyak pihak bukan sahaja di negara ini bahkan diseluruh dunia. Saban hari, terdapat sahaja berita yang membicarakan isu ini sama ada melalui media elektronik atau media cetak. Pokok perbincangan adalah berkisar kepada diri mangsa. Pengkaji-pengkaji berusaha bersungguh-sungguh mencari faktor-faktor yang mendorong gangguan seksual ini berlaku. Akhirnya banyak faktor telah ditemui bagi menjawab persoalan mengapa tingkah laku tidak bermoral ini sanggup dilakukan oleh pelaku-pelakunya. Di samping itu, isu yang menjadi minat juga kepada pengkaji-pengkaji lepas terhadap konsep ini ialah kesan yang ditanggung oleh mangsa. Kebanyakan keputusan kajian lalu menyatakan bahawa mangsa dikatakan berasa tidak selamat di tempat kerja atau mengalami tekanan psikologi sehingga menganggu kehidupan sehari-hari mereka. Kesan lansung dan tidak lansung daripada tindakan yang tidak bermoral ini akhirnya dikaitkan dengan rendahnya prestasi mangsa dan kerugian yang perlu ditanggung oleh organisasi.

Oleh itu, sekiranya langkah-langkah pencegahan tidak diambil oleh organisasi atau pihak-pihak berkenaan, kemungkinan perlakuan gangguan seksual ini akhirnya boleh menjadi satu wabak dalam masyarakat. Berasaskan kepada masalah-masalah yang timbul dari tingkah laku tidak bermoral ini, justeru kajian ini dijalankan. Tujuan

kajian ini adalah untuk mengkaji personaliti mangsa dan pelaku gangguan seksual. Sorotan ke atas kajian-kajian lepas didapati kurang memberi perhatian kepada pemboleh ubah ini. Menurut Abd Rahim (2003) terdapat kaitannya pemboleh ubah personaliti ini dengan gangguan seksual. Masing-masing mangsa dan pelaku disimpulkan mempunyai personaliti yang bermasalah sehingga mendorong terjadinya perbuatan ini. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenalpasti kefahaman kedua-dua pelaku dan mangsa tentang terma gangguan seksual dan bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap dilakukan oleh pelaku dan dialami oleh mangsa

1.2 Pernyataan Masalah

Gangguan seksual terhadap wanita di tempat kerja bukanlah satu fenomena yang baru. Menurut Fitzgerald (1993) seorang dari setiap dua orang pekerja wanita akan menjadi mangsa gangguan seksual. Pernyataan sarjana ini menggambarkan bahawa gangguan seksual merupakan masalah sosial yang semakin meruncing pada hari ini. Permasalahan ini mula di beri perhatian apabila pada tahun 1974 sekumpulan pembantu rumah di New York bersama-sama membuat notis dalam New York Weekly Journal bertujuan untuk menentang gangguan seksual tuan rumah mereka. Pernyataannya ialah “*We Think it is reasonable we should not be beaten by our mistresses husband(s). They being too strong and perhaps may do tender women mischief*” (Fitzgerald, 1993:1070).

Apabila menyebut gangguan seksual di tempat kerja, yang terbayang dimata setiap orang ialah pekerja wanita adalah golongan yang menjadi mangsa dan pelakunya adalah golongan lelaki. Walau bagaimanapun, ini tidak boleh dinafikan kerana Dato’ Lee Lam Thye sendiri pernah menulis dalam majalah Dewan Budaya (1999), yang memetik sumber dari Kementerian Sumber Manusia, bahawa dalam tiga tahun sebelum ini, sebanyak 110 kes gangguan seksual yang dilaporkan berlaku dengan melibatkan golongan lelaki atasan sebagai pelaku.

Kajian oleh Sabhita (2001) telah memperolehi keputusan kajian yang menunjukkan bahawa antara 42 peratus hingga 70 peratus pekerja wanita di negara ini

telah mengalami gangguan seksual. Baldridge dan McLean (1980) pula menyatakan 42% – 90% pekerja wanita di tempat kerja mengalam gangguan seksual. Dari penemuan kajian di Amerika Syarikat mendapati lebih daripada 50% pekerja wanita pernah berhadapan dengan masalah gangguan seksual (Siverman, 1981; Curran dan Renzetti, 1987). Begitu juga seperti yang dilapurkan dalam Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja, lebih 70% pekerja-pekerja wanita di industri mengalami gangguan seksual. Ini adalah satu jumlah yang besar dan semakin hari bilangan ini mungkin semakin bertambah.

Mengapakah boleh berlakunya gangguan seksual? Mengapakah wanita menjadi mangsa dan pelakunya lelaki? Menurut Clark (1991) bahawa pergerakan wanita, revolusi seksual dan penggunaan pil perancangan keluarga adalah antara faktor yang didapati sebagai penyumbang besar kepada berkembangnya masalah sosial ini. Walau bagaimanapun terdapat juga pengkaji membuat rumusan bahawa bertambahnya jumlah wanita bekerja dalam industri pekerjaan adalah faktor penyumbang utama kepada bertambahnya perlakuan gangguan seksual (Clark, 1991). Malahan, terdapatnya sesetengah golongan wanita memegang jawatan yang selama ini didominasi oleh pekerja lelaki, secara tidak langsung meningkatkan lagi jumlah masalah gangguan seksual dan diskriminasi jantina di tempat kerja (Clark, 1991).

Pelaku, kebanyakannya golongan lelaki, beranggapan bahawa dirinya dominan dan menganggap mangsa, kebanyakannya golongan wanita, adalah lemah. Pekerja wanita semakin terdedah sebagai mangsa gangguan seksual sekiranya didapati pekerja wanita itu mahu bersaing dengan pekerja lelaki. Dalam kebanyakan hal, pekerja lelaki tidak boleh menerima yang wanita itu sebagai pesaingnya dan sama taraf dengan mereka (Farley, 1978).

Bolehlah dirumuskan bahawa berlakunya perlakuan gangguan seksual tempat kerja ada kaitanya dengan peluang pekerjaan yang diberikan kepada kaum wanita. Pertambahan bilangan pekerja wanita dalam industri pekerjaan telah mencabar pekerjaan dan status pekerja lelaki. Secara tidak lansung, sesetengah pekerja lelaki sanggup

melakukan tingkah laku gangguan seksual sebagai cara untuk merendahkan maruah pekerja wanita.

Terdapat lain-lain faktor yang menyumbang kepada gangguan seksual. Walau bagaimanapun faktor-faktor tersebut ada kaitannya dengan diri mangsa itu sendiri. Wanita yang digolongkan sebagai seksi (Fiske dan Glick, 1995) lebih terdedah menjadi mangsa gangguan seksual. Begitu juga pekerja wanita yang mudah menjadi mangsa gangguan seksual ialah yang masih bujang ataupun janda (Young, 2001).

Salah satu faktor yang dikatakan ada kaitan dengan tingkah laku gangguan seksual ialah personaliti. Personaliti adalah merujuk kepada ciri-ciri atau tret-tret yang dippunyai oleh seseorang individu termasuklah dari segi mental, emosi dan spiritual yang mana dapat membezakan seseorang individu dengan individu yang lain. Adakah tarikan personaliti yang dippunyai oleh mangsa menjadi pendorong kuat kepada pelaku melakukan tingkah laku gangguan seksual ini?

Terdapat banyak penemuan kajian oleh pengkaji lepas mendapati faktor personaliti ada hubungannya dengan gangguan seksual. Kajian Crow (1995) misalnya telah menghubungkan personaliti dengan kepekaan terhadap gangguan seksual. Keputusan yang diperolehi menunjukkan faktor personaliti dapat memandu seseorang individu supaya peka kepada pelbagai jenis gangguan seksual dalam sesuatu situasi. Pekerja wanita yang mempunyai harga diri yang tinggi didapati lebih mengambil respon terus kepada pelaku-pelaku seperti berhadapan dengan mereka untuk menyatakan ketidaksesuaian mereka dengan gangguan seksual (Gruber & Bjorn, 1986). Ini menunjukkan sekiranya mangsa mempunyai personaliti yang menunjukkan lebih yakin kepada diri sendiri boleh mengelakkan dirinya daripada menjadi mangsa gangguan seksual (Carpenter & DeFrancisco, 1998; Mona Amin Kalhor, 2000). Tidak kurang penting juga apa yang dilaporkan oleh Kesatuan Sekerja Bayan Lepas, Pulau Pinang (dalam Zaiton, 1990) selepas satu sesi temuduga telah diadakan dikalangan 130 orang

pekerja kilang wanita. 80% daripada mereka mengaku mengalami gangguan seksual tanpa mengira umur, rupa fizikal, taraf pendidikan dan taraf perkahwinan.

Tidak boleh disalahkan kesemuanya kepada ketrampilan atau perawakan wanita yang menyebabkan berlakunya gangguan seksual. Menurut Fiske dan Glick (1995) menerusi kajiannya ke atas Teori Keambivalen Motivasi dan stereotaip gender telah menemui tiga keinginan lelaki ketika berinteraksi dengan wanita iaitu paternalisma, perbezaan gender dan tarikan hereroseksual. Ketiga-tiga keinginan ini apabila digabungkan membentuk empat jenis gangguan. Pertama, Inginkan balasan - gangguan yang biasa dilakukan ialah menuntut balasan pada setiap pertolongan yang diberikan biasanya dalam bentuk hubungan seksual intim. Kedua, menimbulkan permusuhan iaitu gangguan ini dilakukan sama ada secara sembunyi atau menampakkan persaingan gender seperti diskriminasi gender. Ketiga, *Ambivalent paternalistic* - gangguan dilakukan dalam bentuk gabungan antara peternalisma yang tersembunyi dan pelindungan yang diberi dengan keinginan mengadakan hubungan seksual intim. Dengan kata lain, gangguan yang yang dilakukan mempunyai maksud disebaliknya. Keempat, keambivalen persaingan - gangguan yang dilakukan dalam bentuk gabungan antara persaingan gender dengan keinginan mengadakan hubungan seksual intim. Driscoll et al. (1998) pula merumuskan hasil kajiannya iaitu tiga personaliti, sikap dan tingkah laku yang diperlihatkan oleh pelaku ada kalanya melindungi keinginan kemungkinan melakukan gangguan secara seksual.

Tingkah laku gangguan seksual telah menimbulkan kemelut dalam masyarakat yang mementingkan nilai-nilai murni termasuklah masyarakat negara ini. Justeru itu, banyak pihak, terutama pertubuhan wanita, kesatuan sekerja, pertubuhan hak asasi manusia, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan antarabangsa, telah memberi reaksi positif ke atas cadangan supaya membendung masalah ini. Desakan dari pertubuhan-pertubuhan ini telah memaksa kerajaan mengambil tindakan pencegahan ke atas tingkah laku yang tidak bermoral ini.

Sehubungan dengan itu melalui Kementerian Sumber Manusia, kerajaan telah mewartakan satu kod amalan yang dikenali sebagai Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual Yang Berlaku di Tempat Kerja pada 17 Ogos 1999. Pentingnya kod amalan ini adalah untuk memudahkan masyarakat memahami makna gangguan seksual dan sebagai panduan untuk mengenal tingkah laku-tingkah laku yang berbaur seksual. Di samping itu, kod amalan itu bertujuan memberi garis panduan kepada majikan untuk penubuhan mekanisme dalaman di peringkat organisasi bagi mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja

Mengapa gangguan seksual ini perlu diberi perhatian serius oleh banyak pihak, khususnya kerajaan. Hal ini kerana gangguan seksual telah memberi satu pengalaman yang amat mengerikan dan menyeksa ke atas mangsa. Perasaan mangsa tertekan, benci, marah dan hilang pertimbangan sehingga menjelaskan kesihatan dan mengakibatkan tekanan emosi dan fizikal serta lain-lain penyakit yang berpunca daripada tekanan tersebut. Mangsa juga mungkin mengalami trauma emosi, cemas, gelisah, sugul dan terhina (Kementerian Sumber Manusia, 1999). Mangsa yang pernah mengalami gangguan seksual akan sentiasa dihantui oleh masalah ini dan merasa jiwa mereka tertekan. Mereka akan merasa marah, terhina, malu dan takut serta menyalahkan diri sendiri atas apa yang berlaku.

Tekanan psikologikal dan emosi yang dialami oleh mangsa boleh merencatkan bukan sahaja perkembangan kerjaya mangsa juga produktiviti negara. Mangsa akan merasa tidak selamat untuk menceburi bidang pekerjaan kerana mereka sering dinilai berdasarkan daya tarikan berbanding dengan kebolehan dan kualiti kerja mereka. Justeru itu ada dikalangan mangsa sanggup kehilangan kerja, ponteng kerja, ketidakpuasan kerja dan kegagalan hubungan interpersonal di tempat kerja. Menurut Coles (1986), sebanyak 50 peratus daripada kaum wanita yang membuat aduan mengenai gangguan seksual di tempat kerja di California telah dipecat dan 25 peratus lagi meletakkan jawatan akibat tekanan yang dialami semasa proses aduan dan kejadian gangguan seksual itu sendiri. Ini jelas bahawa gangguan seksual merupakan ancaman yang serius kepada aspek psikologikal, kesihatan fizikal dan kesejahteraan kaum wanita.

Kesan negatif yang dialami oleh mangsa ini pula secara tidak langsung boleh merendahkan semangat pekerja dan prestasi kerja mereka. Semangat bekerja dan prestasi kerja yang rendah akan meningkatkan permohonan cuti cuti sakit dan ponteng kerja. Bagi mangsa yang tidak tahan dengan perlakuan gangguan seksual ini akan membuat pilihan pilihan untuk berhenti kerja daripada terus menanggung penderitaan untuk menentangnya. Tindakan-tindakan ini akhirnya merendahkan produktiviti industri. Industri juga akan mengalami peningkatan kos perbelanjaan kerana terpaksa melatih pekerja-pekerja baru. Bahaya yang paling besar sekiranya gangguan seksual tidak ditangani ialah ia akan merebak ke seluruh organisasi seperti penyakit yang berjangkit (Persekutuan Majikan Malaysia, 1999).

Apabila membicarakan tentang tingkah laku gangguan seksual, perkara yang sering dibincangkan ialah bentuk-bentuk tingkah laku yang dikatakan sebagai gangguan seksual. Bentuk gangguan seksual yang sering berlaku ialah *quid pro quo*. Terdapat enam jenis bentuk *quid pro quo* yang disenaraikan oleh Kementerian Sumber Manusia (1999) dalam Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan termasuklah gangguan secara lisan, gangguan secara iyarat atau bukan lisan, gangguan visual, gangguan psikologi, gangguan fizikal. Walau bagaimanapun, bentuk-bentuk gangguan seksual yang disenaraikan dalam kod tersebut adalah terlalu umum (Abd Rahim, 2003). Justeru itulah sesetengah mangsa tidak membuat laporan ke pihak berwajib kerana mereka sendiri keliru tentang tingkah laku yang terkategori sebagai gangguan seksual. Bagi pelaku pula, mereka ini berkemungkinan beranggapan tingkah laku itu hanya sebagai gurauan yang tidak mempunyai apa-apa maksud tertentu.

Berapa kerapkah gangguan seksual dilakukan oleh pelaku atau dialami oleh mangsa. Sabitha (1999) adalah salah seorang sarjana yang berminat mengkaji konsep ini. Beliau telah menyenaraikan lebih kurang 32 bentuk gangguan seksual yang kesemuanya dalam kategori *quid pro quo*. Mengikut Fitzgerald (1993), penemuan kajiannya menunjukkan sebanyak 33 peratus pekerja-pekerja wanita di sektor kerajaan

pernah mengalami beberapa bentuk gangguan seksual seperti kata-kata seksual, 26 peratus sentuhan fizikal yang tidak diingini dan 15 peratus paksaan mengadakan *dating*. Hampir 10 peratus daripada pekerja wanita tersebut telah dipaksa secara langsung untuk menerima layanan yang berbentuk seksual serta pernah menerima panggilan telefon, surat dan nota yang berunsurkan seksual yang tidak diingini. Keadaan ini telah berterusan sehingga satu tempoh selama enam bulan atau lebih lama.

Namun demikian, terdapat bukti kukuh bahawa terdapat kes gangguan seksual di tempat kerja tidak dilaporkan oleh sesetengah mangsa ke pihak-pihak berkuasa. Menurut Brewer dan Berk (1982) bahawa kajian-kajian awal tentang konsep ini dikategorikan sebagai masalah sosial. Oleh yang demikian, mangsa-mangsa gangguan seksual mengambil tindakan mendiamkan diri sahaja. Walau bagaimanapun, setelah undang-undang diwartakan, mengapa mangsa masih mengambil tindakan yang serupa? Hal ini ada kaitannya dengan perasaan malu, rasa bimbang dijadikan bahan sindiran, apatah lagi perasaan takut diberhentikan kerja menyebabkan kebanyakan mangsa enggan melaporkan masalah yang dihadapi dan dengan itu terpaksa menderita dan memendam perasaan (Kementerian Sumber Manusia, 1999). Sesetengah mangsa pula tidak tahu di mana hendak membuat aduan. Ekoran dari itu mereka lebih suka berdiam diri.

Tindakan mendiamkan diri oleh sesetengah mangsa ini mungkin ada hubungannya juga dengan kefahaman tentang maksud konsep ini. Ramai daripada mangsa masih keliru pengertian sebenarnya dan bentuk-bentuk tingkah laku bagaimanakah yang dikatakan sebagai tingkah laku gangguan seksual. Walaupun telah banyak pertubuhan terutamanya pertubuhan wanita, kesatuan sekerja dan badan kerajaan memperkatakan fenomena gangguan seksual melalui saluran media massa sama ada media elektronik ataupun media cetak, namun masih terdapat mangsa yang terdedah kepada fenomena gangguan seksual ini tidak memahami makna sebenar gangguan seksual itu. Dalam erti kata lain, mangsa tersebut tidak atau kurang mempunyai pengetahuan tentang gangguan seksual sama ada dari segi definisi, bentuk gangguan dan kategori gangguan seksual di tempat kerja.

Berdasarkan kajian oleh Sabitha (1999), kebanyakan laporan tentang kes gangguan seksual yang berlaku adalah disebabkan oleh kekaburuan dalam mentafsir gangguan seksual itu sendiri. Ini bukan sahaja berkaitan dengan pengetahuan malah lebih menjurus kepada persepsi atau tanggapan mangsa sendiri. Oleh kerana kekaburuan makna gangguan seksual itu maka individu mentafsir gangguan seksual itu mengikut pendapat mereka sendiri. Oleh itu sudah semestinya wujud tanggapan dan persepsi yang berbeza di antara setiap mangsa dalam organisasi. Maka hal inilah yang akhirnya menyebabkan perlakuan gangguan seksual berterusan berlaku di tempat kerja.

Ekoran daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa masih terdapat banyak persoalan yang masih belum terjawab berkaitan dengan konsep ini. Justeru kajian ini dijalankan untuk mendapatkan jawapannya. Persoalan utama kajian ini ialah apakah faktor diri dan jenis personaliti yang dipunyai oleh mangsa dan pelaku gangguan seksual. Selain itu, kajian ini juga mempunyai tujuan sampingan iaitu ingin mengenalpasti apakah bentuk-bentuk tingkah laku gangguan seksual yang paling kerap berlaku di tempat kerja, mengenalpasti tahap kefahaman responden tentang maksud gangguan seksual.

1.3 Matlamat Kajian dan Objektif Kajian

Matlamat kajian ini ialah untuk mengenalpasti personaliti mangsa dan pelaku gangguan seksual di tempat kerja, disamping itu pengkaji ingin mengenalpasti bentuk-bentuk tingkah laku gangguan seksual yang kerap berlaku di tempat kerja dan tahap kefahaman mangsa tentang maksud gangguan seksual ini. Hasil kajian ini akan dapat mencetuskan idea dan menambah maklumat untuk mencari jalan penyelesaian ke arah merungkai masalah gangguan seksual di tempat kerja. Untuk itu beberapa objektif kajian ingin dicapai menerusi kajian ini:-

1. Mengenalpasti faktor demografi pelaku dan mangsa gangguan seksual

2. Mengenalpasti kefahaman mangsa apa yang dikatakan sebagai gangguan seksual dan mengetahui sumber maklumat gangguan seksual.
3. Mengenalpasti bentuk-bentuk tingkah laku gangguan seksual yang kerap berlaku di tempat kerja.
4. Mengkaji personaliti dan penghargaan kendiri mangsa dan pelaku gangguan seksual.

1.4 Kepentingan Kajian

Gangguan seksual merupakan satu isu yang kini telah menjadi kemelut dalam masyarakat Malaysia yang mementingkan akhlak dan moral yang tinggi. Oleh itu adalah wajar kajian-kajian dijalankan terhadap masalah yang melanda ini. Penemuan dari kajian ini boleh menambahkan kefahaman masyarakat tentang fenomena ini.

Berdasarkan peran pentingnya keharmonian diwujudkan dalam masyarakat, maka kajian ini dijalankan. Keputusan yang diperolehi kelak akan diterbitkan untuk digunakan oleh banyak pihak termasuklah pendidik, kaunselor, pengurus industri, pembuat dasar, pertubuhan sukarela dan NGO, dan sebagainya sama ada untuk merangka dasar, memperbaiki kod amalan, mencari kaedah penyelesaian dan lain-lain.

1.5 Pengertian Konsep Gangguan Seksual

Konsep gangguan seksual telah diperbincangkan oleh banyak pihak, namun masih belum terdapat satu definisi yang tohor. Kesukaran mendapatkan satu definisi yang boleh diterima semua pihak adalah kerana kekurangan jenis tingkah laku yang boleh dilebalkan sebagai berunsur seksual. Dalam kebanyakan kamus mendefinisikan

mengganggu sebagai kesusahan akibat dari serangan yang berulang-ulang. Oleh itu, terma gangguan seksual merujuk kepada tingkah laku yang ada kaitan dengan elemen seksual yang dilakukan secara berulang-ulang yang boleh menimbulkan kesusahan kepada orang yang menerimanya.

Terdapat banyak definisi gangguan seksual yang terdapat dalam literatur lepas (Gelfand, Fitzgerald, & Drasgow, 1995; Till, 1980). Kebanyakan pengkaji bersetuju yang gangguan seksual melibatkan kata-kata yang berunsur lucah dan mempunyai hasrat terselindung untuk melakukan seks, termasuk merogol (Gruber & Bjorn, 1982; Wyatt & Riederle, 1995). Menurut Sinclair dan Anor (1994), gangguan seksual boleh dirujuk sebagai salah satu bentuk diskriminasi yang melibatkan penghinaan, penganiayaan dan kelakuan yang mengancam pihak yang terlibat oleh seseorang atau sekumpulan orang kerana hendak memenuhi keinginan seksual mereka. Manakala Backhouse dan Cohen (1981) pula mentakrifkan gangguan seksual sebagai segala kritikan yang bercorak seksual yang berulang-ulang yang ingin dihindari oleh pekerja wanita. Tingkah laku ini termasuklah pandangan, cadangan atau dampingan fizikal secara paksaan atau tanpa dipersetujui, yang dirasakan patut dibantah atau dipertahankan kerana ia menyebabkan individu rasa tidak selesa di tempat kerja.

Definisi yang lebih jelas telah dikemukakan oleh Kongres Kesatuan Sekerja, Malaysia. Menurut Kongres ini gangguan seksual sebagai segala pertuturan, tingkah laku, sentuhan fizikal, isyarat secara berulang-ulang yang berunsur seksual di tempat kerja. Perlakuan-perlakuan ini termasuklah sentuhan badan yang tidak diingini, paksaan mengadakan *dating* dan pujuk rayu supaya melakukan hubungan seks atau menampal gambar-gambar lucah di tempat kerja (Zaiton, 1990). Menurut (EEOC) ataupun *The Equal Employment Opportunity Commission* (1980) pula gangguan seksual sebagai perlakuan seksual secara berlebihan yang tidak diingini, pertanyaan tentang kegemaran seksual dan segala perlakuan lisan ataupun secara fizikal yang mengganggu dan memberi kesan negatif terhadap prestasi kerja dan mewujudkan permusuhan di persekitaran tempat kerja.

Makna gangguan seksual seperti yang tercatat dalam Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja (Persekutuan Majikan Malaysia, 1999) yang dilancarkan oleh Kementerian Sumber Manusia pula mendefinisikan gangguan seksual sebagai perlakuan-perlakuan seperti menjilat bibir atau makan dengan cara menggoda boleh dianggap sebagai gangguan seksual. Kod amalan tersebut juga menjelaskan bahawa gangguan seksual bermakna tingkah laku seksual yang tidak diingini dan tidak disenangi oleh mangsa. Berdasarkan kod amalan tersebut, gangguan seksual dibahagikan kepada dua iaitu pengenaan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaan atau istilahnya *quid pro quo*, dan tingkah laku yang disifatkan menimbulkan suasana yang tidak tenteram kepada mangsa di tempat kerja.

Gangguan jenis pertama tersebut ialah gangguan seksual secara langsung dan biasanya berlaku antara majikan dan pekerja. Gangguan seksual jenis ini berlaku apabila pegawai atasan yang mempunyai kuasa menentukan gaji atau kenaikan pangkat, mengugut pekerja bawahan supaya memberi layanan seksual kepadanya sebagai ganjaran kenaikan pangkat atau gaji. Jika pekerja itu tunduk kepada kehendak majikannya, dia akan dinaikkan pangkat atau menerima gaji yang lebih lumayan. Walau bagaimanapun sekiranya pekerja tersebut menolak kehendak majikannya, dia akan kekal dengan kedudukan yang ada sampai bila-bila masa atau dibuang kerja. Gangguan jenis ini adalah mudah dibuktikan dan tidak menimbulkan sebarang masalah kerana jelas di mana garis pemisahnya.

Manakala gangguan jenis kedua pula ialah perlakuan dilakukan sama ada secara lisan, isyarat, visual, psikologi dan fizikal.

(i) Gangguan Secara Lisan

Gangguan secara lisan ini dinyatakan dalam perlakuan yang menjurus kepada gangguan seksual antaranya ialah melalui kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi-bunyian dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau ancaman seksual.

(ii) Gangguan Secara Isyarat

Gangguan secara isyarat atau bukan lisan dinyatakan sebagai perlakuan yang berbentuk pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan, menjilat bibir, memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks dan tingkah laku mengurat yang berterusan.

(iii) Gangguan Secara Visual

Gangguan yang dikategorikan sebagai gangguan visual pula menyatakan perlakuan seperti menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, menulis surat berunsur seksual, mendedahkan bahagian badan yang sulit yang tidak sepatutnya.

(iv) Gangguan Secara Psikologi

Gangguan secara psikologi pula adalah berbentuk perlakuan mengulangi jemputan sosial yang telah ditolak, memujuk rayu secara berterusan untuk keluar bersama atau bercumbu.

(v) Gangguan Secara Fizikal

Gangguan secara fizikal merupakan bentuk perlakuan seperti sentuhan yang tidak diingini, menepuk, mencubit, mengusap dan menggesel badan, memeluk, mencium dan membuat serangan seksual seperti meraba.

Dalam konteks kajian ini, gangguan seksual meliputi gangguan jenis pertama dan kedua iaitu sama ada gangguan secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi dan fizikal yang berlaku di tempat kerja. Antaranya ialah sentuhan, pandangan, paksaan mengadakan *dating*, permintaan untuk mengadakan hubungan seks secara paksaan serta percakapan dan isyarat-isyarat yang berunsur seksual. Gangguan seksual juga boleh dihuraikan sebagai pujian berunsur seksual yang tidak diingini dan kritikan yang dihindari oleh pekerja wanita yang mana ia mewujudkan persekitaran kerja yang terancam.

1.6 Pengertian Konsep Personaliti

Personaliti merupakan satu konsep yang digunakan apabila menggambarkan diri seseorang. Personaliti berasal daripada perkataan Latin iaitu persona, yang merujuk kepada topeng yang digunakan oleh pelakon dalam pementasan drama. Biasanya personaliti diberi definisi mengikut kecenderungan masyarakat. Sesetengah masyarakat menganggap seseorang dengan personaliti yang ‘baik’ adalah seorang yang mengagumkan olrang lain dengan kebolehannya bergaul dan berinteraksi dengan baik. Ada pula menganggap personaliti yang ‘baik’ apabila seseorang menunjukkan tingkah laku yang bersopan santun dan bercakap dengan lemah lembut.

Definisi personaliti mengikut kepentingan sosial adalah tidak tepat dalam dua aspek. Pertama, ia membataskan jumlah dan jenis tingkah laku yang boleh dianggap sebagai aspek personaliti. Kedua, adalah ia membawa implikasi yang tidak munasabah di mana sesetengah individu yang jelas memiliki ciri-ciri semulajadi yang unik mungkin dianggap tidak mempunyai personaliti.

Para pengkaji bersepakat mengatakan bahawa personaliti merupakan ciri-ciri yang dinamik dan tersusun dimiliki oleh seseorang yang secara unik mempengaruhi kognitif, motivasi dan tingkah lakunya dalam pelbagai situasi (Ryckman, 2000). Ia juga boleh dianggap sebagai pembinaan psikologi dengan melibatkan latar belakang genetik (kecuali kepada kembar seiras) yang unik, sejarah pembelajaran dan cara faktor-faktor ini mempengaruhi respon terhadap persekitaran. Pada umumnya, dapatlah dikatakan bahawa personaliti memperihalkan ciri-ciri yang dimiliki oleh seseorang individu secara khusus seperti cara ia berfikir, bereaksi, beremosi, berpersepsi dan lain-lain yang membolehkannya dibezakan dengan orang lain. Dengan lain perkataan, personaliti memperihalkan sifat-sifat fizikal, emosi dan kognitif seseorang individu.

Personaliti adalah satu terma kolektif tentang tingkah laku individu termasuk pemikiran, perasaan dan perbuatan nyata. Termasuk dalam pengertian ringkas tentang personaliti ini ialah perwatakan psikologi yang terdiri dari emosi, mental dan spiritual. Justeru itu, personaliti berkait rapat dengan interaksi sosial antara peribadi. Maka itu

Hegenhahn (1990) memaksudkan personaliti itu sebagai topeng merefleksikan diri seseorang individu. Bagi Daft (2003) pula merujuk personaliti sebagai satu set ciri-ciri yang mendasari corak tingkah laku secara relatif dalam tindak balas terhadap idea, objek atau orang di dalam persekitarannya.

Kesimpulan dari definisi di atas dapatlah dikatakan bahawa personaliti adalah berkaitan dengan perwatakan yang menggambarkan keunikan, kedinamikan dan kompetensi seseorang individu. Keunikan itu adalah bermaksud tidak wujudnya dua personaliti yang serupa antara seorang individu dengan lain-lain individu walaupun mereka itu adalah kembar. Kedinamikan pula bererti personaliti yang ada pada diri seseorang adalah tidak statik iaitu ia boleh berubah dan diubah mengikut perasaan dan kesungguhan individu itu dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, dari perubahan semasa ke semasa, kebanyakan individu itu akan membangunkan satu personaliti yang munasabah yang akan mewakili dirinya sendiri.

Dalam kajian ini disenaraikan satu set personaliti yang terdiri dari 15 ciri-ciri yang kemungkinan boleh dippunyai oleh seseorang individu. Penjelasan setiap ciri itu adalah berdasarkan tahap tinggi, sederhana atau rendah. Tahap tinggi apabila skor yang diperolehi berada antara 70 – 100, sederhana ialah 40 – 69, dan skor rendah ialah 0 – 39. Ciri-ciri itu ialah:

- i) **Agreasif** - Tret personaliti yang mununjukkan individu terlalu kritikal terhadap orang lain, tegas, berani dan tidak suka dimanipulasi.
- ii) **Analatikal** - Tret personaliti yang menunjukkan individu sangat sensitif kepada persekitaran, suka membuat pemerhatian dan akan menganalisis sesuatu perkara sebelum membuat keputusan.
- iii) **Autonomi** - Tret personaliti yang menunjukkan individu lebih sukakan kebebasan dalam tindakannya dan dapat mengawal dan menentukan aktiviti-aktiviti hariannya.

- iv) **Bersandar** - Tret personaliti yang menunjukkan individu suka bergantung kepada orang lain dan memerlukan bantuan orang lain dalam membuat keputusan.
- v) **Ekstrovert** - Tret personaliti yang menunjukkan individu suka dikelilingi, berinteraksi dan bekerja dengan orang lain.
- vi) **Intelektual** - Tret personaliti yang menunjukkan individu berminat kepada aktiviti-aktiviti yang memberikan cabaran dari segi intelektual..
- vii) **Introvert** - Tret personaliti yang menunjukkan individu suka mengelak situasi-situasi yang akan memaksa mereka berkomunikasi di samping suka bersendirian menyelesaikan sesuatu tugas.
- viii) **Kepelbagaian** - Tret personaliti yang menunjukkan individu dapat menghayati berbagai-bagai situasi bagi mendapatkan pengalaman yang baru ke arah perubahan yang berterusan.
- ix) **Ketahanan** - Tret personaliti yang menunjukkan individu yang cekal dan bermotivasi untuk menghabiskan atau menyelesaikan semua tugas.
- x) **Kritik-diri** - Tret personaliti yang menunjukkan individu yang tidak stabil dari segi emosi dan psikologi.
- xii) **Mengawal** - tret personaliti yang menunjukkan individu suka mengawal orang lain atau lebih suka memimpin daripada dipimpin.
- xii) **Menolong** - Tret personaliti yang dikaitkan dengan individu berkeinginan untuk menunjukkan atau meluahkan sempati, kasih sayang juga memberi bantuan serta membuat kebaikan kepada orang lain.

- xiv) **Sokongan** - Tret personaliti yang menunjukkan individu memerlukan perhatian, simpati dan ingin dikasihi.
- xv) **Struktur** - Tret personaliti yang menunjukkan individu suka kepada kekemasan, kebersihan serta perkara-perkara yang berstruktur, berulang-ulang dan terperinci.
- xvi) **Pencapaian** - Tret personaliti yang menunjukkan individu bermotivasi, mahukan status yang tinggi dan suka persaingan.

1.7 Pendekatan Gangguan Seksual

Menurut Gutek dan Dunwoody (1987), terdapat dua perspektif daripada organisasi terhadap isu gangguan seksual. Dalam perspektif organisasi pertama, gangguan seksual merupakan keadaan atau perbuatan yang berlaku antara seseorang individu dengan individu yang lain. Ia juga boleh menyebabkan interpretasi yang salah ke atas perhatian seseorang individu. Perkara yang terjadi itu berlaku antara seorang individu dengan individu yang lain, maka dianggap sebagai hal peribadi atau personal. Oleh itu, organisasi tidak boleh campur tangan dalam keadaan gangguan dan ia boleh dikatakan sebagai satu perlakuan yang biasa atau keadaan normal di tempat kerja (Fiske dan Glick, 1995).

Manakala dalam perspektif organisasi yang kedua pula, gangguan seksual dianggap sebagai sesuatu yang berlaku antara seseorang individu dengan seseorang yang lain. Dalam perspektif ini, gangguan seksual merupakan satu cara yang tidak sesuai untuk mendapatkan perhubungan seks dan menganggap atau melayan kaum wanita sebagai alat atau objek seks. Tambahan pula, menurut Paludi (1998), gangguan seksual juga dianggap sebagai satu paksaan dan pengeksplorasi.

Terdapat banyak lagi pendekatan yang relevan dan boleh diaplikasikan dengan masalah gangguan seksual di tempat kerja. Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan teori dan model yang dikira penting meliputi Teori Seksualiti yang dikemukakan oleh Abd Rahim (2003) serta tiga model oleh Tangri *et.al* (1982) iaitu Model Biologikal, Model Organisasi dan Model Sosio-budaya. Apa yang penting di sini ialah, teori dan model yang digunakan di sini adalah bertujuan untuk membolehkan suatu kerangka pemikiran dan bagi tujuan pengkaji mengkonstruksan isu dan permasalahan yang dibincangkan.

1.7.1 Teori Seksualiti

Teori seksualiti menjelaskan perkembangan hidup dan tingkah laku manusia adalah didorong oleh kemauan, kehendak dan kuasa seksualiti (Abd Rahim 2003). Pengaruh seksualiti ke atas perkembangan sosial dan moral manusia juga amat besar. Seks adalah suatu keperluan asas kepada orang dewasa dan cara manusia mencapai kehendak dan keperluan seksual pada umumnya mencorakkan perkembangan tingkah laku, sahsiah, emosi dan moral.

Walaupun perempuan dikatakan mempunyai keinginan seks yang tinggi berbanding dengan lelaki, namun disebabkan faktor sifat kewanitaan dan juga pengaruh budaya dan moral atau agama dalam kehidupan seseorang wanita, ia membolehkan wanita dapat mengawal tingkah laku seksual mereka daripada gangguan dan godaan lelaki. Mengikut teori seksualiti ini juga, dorongan keinginan dan keperluan seksual lelaki menyebabkan kaum wanita sentiasa terdedah kepada pelbagai ancaman dan gangguan seksual, termasuk kejadian keganasan kes rogol, sodomi, penganiayaan dan pembunuhan terhadap wanita. Kaum lelaki sering kali melayan wanita sebagai alat seks untuk memenuhi keperluan nafsu seksual mereka yang tidak terkawal dan adakalanya bersifat ganas.

Dari segi perkembangan wanita, pengaplikasian teori seksual ini amat penting bagi memahami sifat, tingkah laku dan peranan wanita yang dikira begitu berbeza dengan lelaki. Watak, tingkah laku, sifat fizikal dan biologikal serta bentuk seksualiti tubuh badan wanita yang dijadikan begitu menonjol memberi pengaruh seksualiti yang tinggi kepada lelaki. Kebanyakan wanita yang peka dengan keindahan, kecantikan, keanggunan dan personaliti kewanitaannya lebih suka menonjolkan pengaruh seksual. Pengaruh seksual wanita dapat dijadikan tarikan untuk memikat dan menarik minat lelaki terhadapnya.

Seks adalah sebahagian daripada keperluan asasi manusia yang perlu dipenuhi dengan cara yang betul mengikut undang-undang, peraturan dan etika hidup manusia serta mengikut lunas-lunas agama. Pengaruh seksualiti terhadap kehidupan manusia mencakupi suatu dimensi yang luas meliputi perkembangan tingkah laku, personaliti, kebahagiaan, emosi, moral, kemuliaan, rasa dihargai dan sebagainya. Kegagalan seksual dalam kehidupan manusia boleh meninggalkan kesan negatif seperti bersifat anti sosial, agresif, masalah tingkah laku, keganasan dan boleh bertindak di luar kawalan. Dengan sebab itu, wanita mempunyai pengaruh dalam kehidupan lelaki, begitu juga lelaki amat diperlukan oleh wanita bagi memenuhi keperluan seksual dan keperluan lain. Oleh yang demikian, seksualiti wujud dalam pemikiran manusia, tidak kira sama ada lelaki ataupun wanita yang mendorong ke arah pencapaian keinginan dan matlamat hidup yang baik atau sebaliknya.

Pemikiran seksual (*sexual mind*) lelaki mendorong tingkah laku seksual yang tidak sihat, termasuk melakukan gangguan seksual sama ada di tempat kerja ataupun di mana sahaja jika terdapat peluang melakukan gangguan seksual terhadap wanita. Ini termasuklah gangguan bersifat oral, sentuhan bahagian anggota seksual wanita, mengurat dan menggoda wanita. Perkara seperti ini banyak berlaku dalam masyarakat Asia, khususnya di tempat kerja. Amat sukar untuk menghakis pemikiran seksual dan pelbagai tingkah laku yang mendedahkan wanita kepada gangguan dan ancaman seksual di mana-mana sahaja dalam masyarakat.

1.7.2 Model Biologikal

Model Biologikal mengandaikan bahawa gangguan seksual merupakan satu tindakan yang dilakukan oleh individu atas dorongan seks dan bersifat semulajadi. Model ini juga mengandaikan kaum lelaki lebih kuat kemauhan seksualnya berbanding kaum wanita. Terdapat perbezaan yang begitu ketara dari segi sifat kejadian lelaki dan perempuan yang mencorakkan perkembangan biologikal dan tingkah laku. Perkembangan ini juga mempengaruhi biologikal dan tingkah laku seksual yang berbeza di antara lelaki dan wanita. Dari segi biologikal, lelaki mempunyai keadaan fizikal yang kuat dan lebih mudah mengalah dan memperalatkan wanita. Keadaan ini boleh mendorong lelaki menggunakan kekuatan fizikal bertindak ganas terhadap wanita, khususnya dalam melakukan bentuk-bentuk gangguan seksual sama ada di tempat kerja atau di mana-mana sahaja. Begitu juga dari segi tingkah laku, lelaki lebih agresif menyebabkan mereka merasa lebih *superior* dari segi seksual.

Model ini menekankan bahawa secara semulajadi, individu akan terpikat dengan individu yang berlainan jantina. Perlakuan mereka tidak bermaksud untuk mengancam tetapi semata-mata untuk menunjukkan minatnya terhadap wanita tersebut. Model ini juga menyatakan bahawa mangsa kepada gangguan seksual adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai ciri-ciri atau taraf yang sama dengan pengganggu yang melakukan gangguan seksual. Contohnya umur, etnik dan status perkahwinan. Di samping itu juga, model ini mengandaikan bahawa jika mangsa tidak menunjukkan minat terhadap perlakuan ini, maka individu yang melakukannya akan menghentikan perlakuannya.

Berdasarkan model biologikal ini juga, tingkah laku gangguan seksual ini tidak akan memberi kesan yang negatif kepada mangsa. Ini kerana mangsa akan terus melaksanakan kerja hariannya seperti biasa tanpa menghadapi tekanan atau masalah yang akan menjaskan prestasinya.

1.7.3 Model Organisasi

Model Organisasi mengandaikan bahawa gangguan seksual di tempat kerja berlaku adalah akibat daripada peluang-peluang tertentu yang terhasil daripada pembentukan struktur organisasi, iaitu melalui hierarki dan hubungan autoriti yang khusus yang mana, individu boleh menggunakan kuasa atau statusnya untuk mendapatkan kepuasan seksual daripada orang bawahannya.

Model ini juga mengandaikan bahawa gangguan seksual bukan sahaja dilakukan oleh kaum lelaki ke atas kaum wanita, tetapi keadaan yang sebaliknya juga boleh berlaku. Kebanyakan organisasi besar seperti organisasi korporat dan syarikat-syarikat perniagaan yang terkenal adalah dikendalikan oleh kaum lelaki. Wanita adalah tertakluk di bawah pengaruh dan kuasa lelaki. Gangguan seksual adalah satu fenomena sosial yang melibatkan kuasa dan pengaruh pihak pengurusan atasan, ketua, penyelia atau *supervisor* yang bercanggah dengan etika dan moral di tempat kerja. Kepentingan peribadi seksual adakalanya terlibat pada tahap yang serius dalam pengurusan organisasi.

Disebabkan kuasa dan pengaruh golongan ini dalam organisasi, wanita yang menjadi mangsa gangguan seksual terpaksa tunduk kepada kehendak mereka. Kebimbangan dan takut kehilangan kerja menyebabkan wanita terpaksa merahsiakan sahaja gangguan seksual yang dihadapi dan dilakukan oleh ketua atau pihak yang berkuasa dalam organisasi.

Selain itu, model ini juga menghubungkaitkan gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja adalah berhubung rapat dengan infrastruktur tempat kerja. Antaranya ialah hubungan dalam integrasi jantina dan nisbah jantina. Ini bermaksud bahawa faktor-faktor ini merujuk kepada sesuatu jenis pekerjaan yang memerlukan pekerjanya bekerja secara bersendirian, berpasangan atau berkumpulan. Manakala faktor nisbah jantina pula merujuk kepada situasi yang mana bilangan individu dalam pekerjaan itu biasanya terdiri daripada lebih satu golongan jantina. Contohnya, sesebuah organisasi atau

kumpulan kerja mempunyai lebih ramai pekerja lelaki berbanding pekerja wanita. Ini menyebabkan gangguan seksual akan menjadi kerap berlaku dalam organisasi kerja yang mempunyai nisbah jantina yang tidak seimbang.

1.7.4 Model Sosio-Budaya

Model Sosio-budaya mengandaikan bahawa gangguan seksual sebagai satu manifestasi kepada *patriarchy system*, di mana lelaki dianggap sebagai pemerintah dan masyarakat secara umumnya harus mengesahkan pemerintahannya. Model ini juga mengandaikan individu dalam masyarakat telah disosialisasikan untuk memainkan peranan mereka. Golongan wanita telah dilatih untuk bersifat lembut dan mengelakkan konflik serta bertanggungjawab kepada apa yang berlaku ke atas dirinya. Maka pekerja wanita yang sering menjadi mangsa gangguan seksual seharusnya bersikap positif dan menerima apa sahaja yang berlaku ke atas diri mereka.

Lazimnya, gangguan seksual yang berlaku adalah secara paksaan. Di mana, pengganggu boleh melakukan gangguan seksual ke atas beberapa orang mangsa wanita. Mangsa diandaikan tidak berupaya untuk melakukan apa-apa tindakan dan terpaksa menerima nasibnya sahaja. Akibatnya, mangsa akan menunjukkan reaksi yang lemah dan rasa dihina. Ini akan meninggalkan kesan emosi yang teruk kepada pekerja wanita terutamanya yang pernah menjadi mangsa gangguan seksual di tempat kerja.

Dari segi polisi pula, model ini boleh diaplikasikan kepada langkah meningkatkan mobiliti sosial wanita melalui persaingan yang sihat dan terbuka tanpa diskriminasi seksual. Langkah yang positif juga perlu diwujudkan bagi menyokong dan mendorong kemajuan wanita dalam segala bidang, khususnya di tempat kerja. Melindungi hak-hak wanita melalui undang-undang, memodenkan dasar sosial, mengubah sikap dan pemikiran yang negatif terhadap wanita serta menanamkan pemikiran baru dengan melihat wanita sebagai rakan kongsi yang penting kepada perubahan dan kemajuan. Reformasi sosial perlu dilakukan bagi meniupkan angin perubahan terhadap peranan wanita yang dinamik dan progresif dalam masyarakat dan

di tempat kerja tersebut. Ini adalah kerana wanita adalah sumber manusia yang amat penting kepada pembangunan negara dan bangsa.

1.8 Kajian Lepas

Sejak kes gangguan seksual pertama dilaporkan pada tahun 1975 di Arizona, Amerika Syarikat, isu ini mula diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji (Renick, 1980). Mangsa terpaksa meletak jawatan kerana rasa terseksa dengan perlakuan gangguan seksual yang dilakukan oleh penyelia lelakinya sama ada berbentuk lisan dan fizikal. Mangsa dilaporkan telah dilayan secara diskriminasi yang mana pekerja wanita yang menurut perlakuan tidak bermoral itu dinaikkan pangkat, manakala hak mangsa diketepikan kerana menolak perlakuan tersebut.

Rentetan dari peristiwa tersebut kajian-kajian emperikal telah dijalankan untuk mengenalpasti banyak perkara berkaitan dengan konsep ini. Penemuan kajian menunjukkan pekerja wanita yang lebih kerap menjadi mangsa gangguan seksual, manakala pekerja lelaki adalah sebagai pelakunya (Baldridge & McLean, 1980; Jones & Remland, 1993; Terpstra & Cook, 1985). Misalnya Terpstra & Cook (1985) telah mendapati dari 81 kes aduan kepada pihak Jabatan Hak Asasi Manusia Midwestern, Amerika Syarikat, 94% datangnya dari wanita. Daripada jumlah ini 72% adalah wanita yang berumur 30-34 tahun. 41% nya pula adalah lulusan sekolah menengah tinggi, manakala 38% adalah lulusan kolej. Seperkara lagi 89% adalah mereka yang berpendapatan kurang dari \$19,999 setahun. Hasil kajian menunjukkan semua golongan pekerja wanita mempunyai potensi menjadi mangsa gangguan seksual. Gologan pekerja tersebut kemungkinan terdiri dari pekerja wanita muda, belum berkahwin, berpendidikan, berpendapatan rendah, dan berpelajaran mempunyai potensi tinggi untuk menjadi mangsa gangguan seksual.

Keputusan yang serupa ditemui oleh Gutek (1985) yang telah menjalankan kajian ke atas 827 orang pekerja wanita dengan mengkaji sikap yang dipegang oleh

mereka terhadap gangguan seksual dan kesan gangguan seksual ke atas mereka. Kajian ini telah dijalankan secara temubual melalui telefon di Los Angeles. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor seperti taraf pendidikan, status perkahwinan, etnik, pengalaman kerja dan persekitaran kerja mempengaruhi sikap seseorang pekerja wanita terhadap gangguan seksual. 63 peratus daripada responden kajian menyatakan mereka rasa terancam. Manakala 69 peratus mangsa adalah terdiri daripada pekerja lepasan universiti dan 75 peratus adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai taraf pendidikan lepasan kolej. Sheffey dan Tindale (1992) telah menjalankan kajian untuk menguji andaian yang terdapat dalam model peranan-jantina berlebihan yang dibina oleh Gutek dan Morasch (1982). Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar pra-siswazah yang terdiri daripada 114 orang lelaki dan 120 orang perempuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam konteks pekerjaan yang didominasikan oleh lelaki, fenomena gangguan seksual adalah lebih kerap dan jelas berlaku.

Kajian dalam persekitaran tempatan telah dilakukan oleh Kesatuan Sekerja Bayan Lepas, Pulau Pinang (dalam Zaiton, 1990). Keputusan sama diperolehi yang mana mendapati bahawa daripada 130 orang pekerja kilang wanita yang ditemuduga oleh Pegawai Kesatuan Sekerja, 80 peratus daripadanya mengaku bahawa pernah mengalami gangguan seksual daripada pihak pengurusan atau pegawai atasan. Masalah ini lebih kerap berlaku dalam sektor perkilangan dan perladangan. Daripada ciri-ciri latar belakang subjek pula, dapatan kajian menunjukkan wanita yang menjadi mangsa gangguan seksual boleh terdiri daripada sesiapa sahaja tanpa mengira umur, rupa fizikal, taraf pendidikan dan status perkahwinan. Walau bagaimanapun, kumpulan pekerja wanita yang menghadapi risiko tinggi untuk menjadi mangsa gangguan seksual ialah wanita yang berumur 30 tahun ke bawah, belum berkahwin, balu atau janda.

Kajian-kajian lepas juga memaparkan bahawa tidak semua pekerja wanita terdedah kepada perlakuan gangguan seksual. Menurut Fiske dan Glick (1995), wanita yang seksi, mempunyai potongan badan yang menarik, perawakan moden, dan perawakan tradisi dan seksi adalah lebih terdedah kepada gangguan seksual. Menurut pengkaji ini lagi, sesetengah golongan wanita terpaksa menampakkan ketrampilan yang

lebih moden dan seksi supaya dapat menarik perhatian pengurus yang kebanyakannya lelaki semasa mencari pekerjaan. Perawakan beginilah yang lebih mendorong pengurus lelaki melakukan gangguan seksual setelah wanita tersebut diterima sebagai pekerja. Fiske dan Glick (1995) telah membuat rumusan bahawa perawakan wanita yang menampakkan ciri-ciri tradisi kurang terdedah kepada gangguan seksual ini. Apa yang boleh diambil rumusan dari kajian ini ialah personaliti dan perawakan seseorang wanita itu menjadi faktor penarik kepada perlakuan gangguan seksual.

Keputusan kajian Fiske dan Glick (1995) telah disokong oleh Crow *et.al* (1995). Crow *et.al* (1995) telah membuat kajian tentang kesan faktor personaliti terhadap sensitiviti gangguan seksual dan gangguan bukan seksual. Kajian dibuat ke atas 150 orang wanita di bandar metropolitan di selatan Amerika Syarikat. Menurut pengkaji ini, penyelidikan terdahulu telah mendapati faktor personaliti mempunyai kesan terhadap sensitiviti gangguan seksual. Dapatan dari kajian pengkaji ini pula menunjukkan wujudnya hubungan antara sensitiviti terhadap gangguan seksual dengan beberapa faktor personaliti. Generalisasi yang boleh dibuat dari kajian ini ialah faktor personaliti berpotensi memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan sensitiviti menjadi penghalang terhadap gangguan seksual di tempat kerja.

Mona Amin Kalhor (2000) telah mengkaji tentang impak gangguan seksual di tempat kerja dan sejauhmana harga diri sebagai faktor terbaik menangani dan bertindak balas terhadap gangguan seksual. Kajian ini telah dijalankan ke atas 204 orang pelajar yang masih belajar dan telah tamat belajar di peringkat universiti. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan mereka yang mempunyai harga diri yang tinggi akan memperlihatkan ciri-ciri positif tentang dirinya, mempunyai tujuan, dan mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Ciri-ciri ini mengurangkan perasaan bimbang dan tekanan kepada gangguan seksual. Justeru pengkaji merumuskan seseorang yang mempunyai harga diri yang tinggi akan mengambil tindakan membela diri dengan yakin daripada perbuatan gangguan seksual.

Satu perkara lagi yang menjadi minat pengkaji-pengkaji lepas terhadap konsep ini ialah mengetahui bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap berlaku di tempat kerja. Saal *et.al* (1989) dalam kajian mereka mengutarakan bahawa lelaki sering mempersepsikan tingkah laku wanita sebagai unsur seksual walaupun pada hakikatnya ia tidaklah sedemikian. Perbezaan antara lelaki dengan wanita terhadap persepsi gangguan seksual ini mungkin disebabkan oleh salah tafsir. Dengan itu, lelaki mungkin tersalah tafsir terhadap tingkah laku seseorang wanita sebagai undangan seksual dan secara langsung melabel mereka sebagai sedemikian. Isu gangguan seksual juga diminati oleh pengkaji tempatan untuk mendalaminya. Kajian Donny (2002) terhadap konsep gangguan seksual di kalangan staf sokongan di Institut Pengajian Tinggi Awam, mendapati bahawa kebanyakan staf sokongan mempunyai persepsi negatif terhadap kejadian gangguan seksual di tempat kerja, di mana mereka lebih cenderung menyatakan bahawa tingkah laku yang dinyatakan dalam soal selidik tersebut merupakan tingkah laku yang mengganggu mereka. Hasil kajian juga mendapati bahawa tahap gangguan seksual yang berlaku di IPTA adalah tidak serius.

Coles (1986) telah menjalankan kajian ke atas 23,000 orang pekerja wanita di sektor kerajaan persekutuan di Amerika Syarikat. Kajian deskriptif ini telah menemui keputusan yang menunjukkan 43% daripada pekerja tersebut dilaporkan telah mengalami gangguan seksual di tempat kerja. Pengkaji ini melanjutkan pencariannya untuk mengenalpasti bentuk-bentuk tingkah laku gangguan seksual yang kerap dilakukan. Hasilnya, pengkaji telah menyenaraikan enam bentuk tingkah laku gangguan seksual yang sering dilakukan di tempat kerja iaitu kiriman surat dan panggilan telefon yang lucah (87%), sentuhan yang tidak diingini (65%), paksaan mengadakan hubungan seks (81%), paksaan mengadakan *dating* (65%), isyarat dan pandangan yang bermotif seksual (64%) dan pujian berunsur seksual (54%). Daripada keputusan kajian ini jelas menampakkan yang perbuatan gangguan seksual tidak terhad kepada sentuhan sahaja malah hingga kepada mengadakan hubungan seksual.

Sabitha (1999) dalam kajiannya tentang persepsi terhadap gangguan seksual telah meneliti jenis tingkah laku yang dianggap sebagai gangguan seksual di tempat

kerja. Beliau telah menyenaraikan sebanyak 40 bentuk tingkah laku dalam soal selidik yang dikenali sebagai *Utara Sexual Harassment Questionnaire* (USHQ). Bentuk-bentuk tingkah laku tersebut meliputi gangguan secara lisan, bukan lisan (isyarat), gangguan visual, gangguan psikologi dan gangguan fizikal. Sampel kajian ini terdiri daripada 60 jabatan yang dipilih secara rawak dari Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis. Hasil kajian mendapati bahawa 43.9 peratus daripada keseluruhan responden kajian pernah mengalami sekurang-kurangnya satu daripada tingkah laku yang berunsur gangguan seksual. 13.8% gangguan seksual dilakukan dalam bentuk gangguan fizikal yang menyentuh bahagian sulit dan 59.8% sentuhan bahagian yang tidak sulit. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sesuatu tingkah laku cenderung dianggap sebagai gangguan seksual apabila pengganggunya ialah lelaki, jika dibandingkan dengan pengganggunya ialah wanita, atau ia berlaku antara jantina yang sama. Keputusan kajian Sabitha (2000) disokong oleh kajian Jamilah (2003). Kajian yang dijalankan oleh Jamaliah (2003) telah menemui bahawa gangguan secara fizikal telah mencatat peratusan tertinggi.

Satu lagi keputusan yang menarik juga telah ditemui oleh Lee Lai Ching (2000). Lee Lai Ching (2000) ingin melihat bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap berlaku di Malaysia. Sampel kajiannya terdiri dari 100 orang operator pengeluaran wanita. Hasil kajian beliau ini telah memaparkan 26% mangsa mengalami gangguan bentuk sentuhan yang tidak bermaksud seksual, 20% menerima kata-kata berunsur seksual dalam bentuk memuji dan 16% menerima kata-kata berunsur seksual dalam bentuk cacian. Hanya 12% menerima pandangan atau isyarat seksual yang bermaksud mencaci dan 10% menerima pandangan atau isyarat seksual dalam bentuk memuji. Sementara itu, hanya 5% mangsa mengalami sentuhan yang bermaksud seksual dan 7% mengalami paksaan mengadakan dating. Terdapat 4% mangsa menerima paksaan mengadakan hubungan seks.

Sejauhmana wanita yang telah menjadi mangsa ini tampil ke hadapan pihak berwajib membuat aduan. Sebuah syarikat perunding telah membuat kajian ke atas tindak balas yang dilakukan oleh mangsa selepas mengalami perlakuan gangguan seksual (Abdul Munim, 2001) di beberapa industri pembuatan di Johor Bahru. Sampel kajian berumur dalam lingkungan antara 20 hingga 38 tahun. Dapatan kajian yang

diperoleh menunjukkan 5% sahaja mangsa berani tampil membuat aduan ke pihak pengurusan, sedangkan 69% mangsa akan mengabaikan sahaja perbuatan ini, 14% bertindak memukul pelaku, 6% menukar pekerjaan, 6% berani berbincang atau bercakap dengan pelaku, 2% bertemu kaunselor , 1% ponteng kerja, dan 10% mangsa tidak tahu berbuat apa. Keputusan lain yang ditemui dalam kajian ini ialah 68% perlakuan gangguan seksual ini berlaku semasa bekerja, 66% dalam waktu bekerja, 28% selepas waktu bekerja, 19% sebelum waktu bekerja, 19% semasa makan tengah hari dan 20% kejadian berlaku selain dari waktu-waktu yang disebutkan.

Satu lagi penemuan menarik telah ditermui oleh Gutek (1985) di mana pekerja wanita yang bekerja dalam persekitaran kerja yang berunsur seksual akan mempunyai sikap yang lebih terbuka terhadap isu gangguan seksual. Namun demikian jumlahnya adalah kecil. Sedangkan sejumlah besar mangsa gangguan seksual (40%) menunjukkan rasa jijik kepada perlakuan tersebut, manakala 33 % pula menyatakan perasaan amat marah kepada pelaku. Sementara itu, 38 peratus mengatakan perbuatan gangguan seksual menganggu hubungan interpersonal mereka dalam pekerjaan, 15 peratus pula menyatakan ia memberi kesan ke atas kesihatan mereka dan mempengaruhi hubungan interpersonal mereka di luar tempat kerja.

Mengapakah sebahagian besar mangsa tidak membuat laporan ke pihak berwajib. Di Britain telah mewartakan undang-undang Akta Diskriminasi Seks 1975 (*Sex Discrimination Act 1975*) yang membolehkan seseorang wanita membuat aduan kepada Mahkamah Industri jika dia mengalami gangguan seksual di tempat kerja. Walau bagaimanapun menurut laporan *Industrial Relations Services* (1992) di Britain, kebanyakan kes gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja, iaitu meliputi semua sektor pekerjaan di semua organisasi-organisasi yang besar dan kecil, dilaporkan dan pelakunya telah dipecat.

Sesetengah mangsa mengambil tindakan mendiamkan sahaja tingkah laku gangguan seksual ini kerana ada dikalangan mangsa masih tidak memahami maksud sebenar tingkah laku seksual tersebut. Ini telah ditemui oleh Abdul Mun'im (2001)

menerusi kajiannya yang bertujuan melihat tahap kesedaran di kalangan pegawai tadbir yang bukan mangsa di sebuah institusi pengajian tinggi awam. Seramai 106 pegawai tadbir wanita terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan 54% subjek kajian menyatakan kurang faham maksud tingkah laku gangguan seksual. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman tentang maksud gangguan seksual di kalangan subjek kajian adalah rendah. Oleh yang demikian kemungkinan ada sesetengah pekerja wanita beranggapan perlakuan yang dikategorikan sebagai gangguan seksual adalah sebagai gurauan biasa.

Sampel kajian Frazier *et.al* (1995) adalah terdiri dari 4000 orang yang meliputi pelajar-pelajar dan staf-staf *University of Minnesota*. Pengkaji ini ingin mengetahui kefahaman tentang maksud gangguan seksual. Di samping itu, objektif kajian ini juga ingin menyelidik jenis-jenis tingkah laku yang didefinisikan sebagai gangguan seksual, kesan status pengganggu terhadap persepsi gangguan seksual dan perbezaan gender dalam mendefinisikan gangguan seksual. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat persetujuan yang sama mengenai maksud dan kategori tingkah laku yang dianggap sebagai gangguan seksual. Dengan lain perkataan, setiap respondan mempunyai kefahaman yang sama tentang maksud gangguan seksual dan tingkah-tingkah laku gangguan seksual. Hasil kajian juga menunjukkan status pengganggu dan perbezaan gender terhadap persepsi gangguan seksual adalah kurang konsisten.

Terdapat sesetengah organisasi telah mengambil inisiatif untuk membantu wanita dan kumpulan etnik minoriti untuk melaporkan kejadian-kejadian gangguan seksual di tempat kerja. Walau bagaimanapun, menurut Eberhard *et.al* (1999) prihatin organisasi terhadap perlakuan ini tidak begitu jelas sama ada sebagai satu tanggungjawab atau benar-benar hendak menghalang tingkah laku tersebut. Kajian pengkaji ini tentang sikap majikan terhadap gangguan seksual memperlihatkan wujudnya kontradisi dalam tindakan yang diambilnya. Keputusan yang diperolehi menunjukkan organisasi memandang tindakan yang diambilnya itu hanya merupakan satu tanggungjawabnya terhadap pekerja sahaja bukan suatu tindakan berupa halangan daripada berlakunya

gangguan seksual ini di masa hadapan. Sesetengah pengurus pula tidak percaya sepenuhnya terhadap tuduhan-tuduhan gangguan seksual yang dilaporkan oleh mangsa.

Seterusnya Eberhard et.al (1999) telah menjalankan kajian terhadap kewujudan dan keberkesanan perlaksanaan polisi gangguan seksual di unit-unit kecil kerajaan. Kajian bertujuan untuk menentukan kewujudan polisi gangguan seksual, kejadian-kejadian gangguan seksual, perlaksanaan latihan-latihan yang berkaitan dengan isu gangguan seksual dan sikap terhadap isu gangguan seksual di dalam unit-unit tersebut. Pengkaji ini telah memilih satu daerah di setiap 22 buah bandar besar di *Midwestern State*, Amerika Syarikat. Keputusan yang diperoleh menunjukkan hanya separuh daripada sampel organisasi yang dikaji melaksanakan polisi gangguan seksual di tempat kerja. Namun begitu polisi tersebut adalah tidak dilengkapi dengan latihan-latihan yang berkaitan.

Walau bagaimanapun masih ramai lagi pekerja wanita tidak mengetahui wujudnya aspek perundangan dalam menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja. Philip dan Carol (2000) telah membuat kajian tentang situasi gangguan seksual, tindak balas organisasi terhadap gangguan seksual di tempat kerja dan kesan buruk akibat dari gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan laporan yang dibuat oleh 274 orang pelajar pusat pengajian tinggi yang menjalani latihan praktikal. Hasil kajian mendapati bahawa organisasi tidak begitu memberi perhatian terhadap masalah gangguan seksual. Penyelidik mendapati hanya 13 peratus organisasi tempat pelajar membuat praktikal mengetahui kewujudan polisi tentang gangguan seksual dan manakala 78 peratus adalah sebaliknya. Peratus yang tinggi organisasi menyatakan tidak mengetahui kewujudan polisi gangguan seksual ini jelas menunjukkan bahawa organisasi memberi tindak balas pasif terhadap masalah gangguan seksual di tempat kerja.

Antara perkara yang kerap dikaji oleh pengkaji tentang fenomena ini ialah kesannya kepada mangsa. Crull (1981) misalnya telah menjalankan kajian ke atas 262 orang responden yang terdiri daripada pekerja wanita yang pernah menulis surat untuk

menghadiri sesi kaunseling di *Working Women's Institute*. Kajiannya mendapati bahawa 75 peratus daripada responden merasakan prestasi kerja mereka terencat akibat daripada masalah gangguan seksual. Manakala 90 peratus responden pula melaporkan masalah ini telah membawa kepada wujudnya tanda-tanda tekanan psikologikal. Hampir 12 peratus daripada mereka meminta bantuan doktor atau ahli psikoterapi untuk meredakan perasaan tekanan yang dihadapi.

Manakala Fitzgerald (1993) dalam kajiannya mendapati psikologikal, kesihatan fizikal dan mental mangsa turut terganggu akibat dari perlakuan gangguan seksual. Ini menyebabkan mereka sentiasa mengalami perasaan bimbang, murung, sakit kepala, gangguan tidur, pertambahan atau kekurangan berat badan, mual dan ketidakfungsian organ seksual. Mangsa juga akan turut mengalami fobia dan mempunyai tahap penghargaan kendiri yang rendah. Fitzgerald (1995) telah membuat kajian deskriptif ke atas 4 000 orang pelajar dan staf di Universiti Minnesota, Amerika Syarikat .

Bagi Neilsen (1996) perlakuan seksual berbentuk fizikal menjadikan suasana tempat kerja tegang atau tertekan dan wujud perasaan saling bermusuhan di kalangan pekerja-pekerja. Kajian Neilsen (1996) ini telah dilakukan ke atas sebilangan sampel kajian terdiri daripada 840 orang pekerja wanita dari organisasi di seluruh dunia. Kajian ini bertujuan meninjau secara spesifik kesan perlakuan gangguan seksual ke atas suasana atau persekitaran kerja. Selain itu, objektif kajian ini juga hendak mengenalpasti persepsi pekerja wanita terhadap gangguan seksual. Pengkaji merumuskan bahawa pengurus organisasi sama ada di sektor awam dan swasta disaran supaya memberi perhatian serius untuk membangun dan mengimplmentasikan polisi dan prosedur gangguan seksual.

Lai Lee Ching (2001) dalam kajiannya untuk melihat sejauh mana gangguan seksual di tempat kerja mempengaruhi tekanan dan kepuasan kerja. Gangguan seksual diukur menggunakan soal selidik *Sex And The Workplace*, manakala tekanan kerja dan kepuasan kerja, masing-masing diukur dengan *Job Related Tension Index* dan *Brayfield-Rothe Index*. Seramai 100 orang operator pengeluaran wanita pernah mengalami

gangguan seksual dipilih sebagai subjek kajian dengan menggunakan persampelan tujuan. Keputusan kajian menunjukkan bentuk gangguan yang kurang serius lebih kerap berlaku. Manakala pelaku utamanya ialah rakan sekerja dan ketua atau penyelia. Keputusan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bersifat positif dengan tekanan kerja dan bersifat negatif dengan kepuasan kerja.

Pengkaji-pengkaji sering mengaitkan perlakuan gangguan seksual dengan kebimbangan mangsa (Barlow dan Craske, 1994; Menninger, 1990). Barlow dan Craske (1994) menegaskan bahawa gangguan seksual dan kebimbangan mangsa mempunyai korelasi yang positif dan signifikan. Menurut pengkaji lagi simptom kebimbangan ini boleh dilihat pada tiga kategori: fisiologi, pemikiran, dan tingkah laku. Kebimbangan fisiologi adalah meliputi ketegangan otot, kelaparan, sakit perut, peluh berlebihan, kesukaran bernafas dan pandangan menjadi kabur. Kebimbangan juga memberi kesan kepada proses berfikir. Mangsa berasa sakit berfikir tentang ancaman dan bahaya yang akan dihadapi pada masa hadapan, perasaan menjadi sedih dan akhirnya membawa kepada tingkah laku menyendiri. Dari segi tingkah laku pula, mangsa menjadi kurang tumpuan, sentiasa mengigit kuku, susah membuat keputusan. Mangsa juga berasa malu dalam hubungan interpersonal dan bimbang mengeluarkan pendapat.

Kajian yang dijalankan oleh Pang (1993) adalah bertujuan untuk membandingkan sikap terhadap ancaman seks di kalangan pekerja wanita dan hubungannya dengan tekanan di tempat kerja. Kajian yang dijalankan adalah untuk membuat perbandingan sikap terhadap isu ancaman seks di antara pekerja kilang dan kerani. Di samping itu juga, beliau turut mengkaji hubungan antara isu ancaman seks dengan tekanan kerja. Responden adalah terdiri daripada 100 pekerja kilang dan 100 orang kerani yang dipilih secara rawak. Keputusan kajian menunjukkan konteks pekerjaan yang diceburi oleh seseorang wanita itu merupakan faktor utama dalam mempengaruhi sikapnya terhadap ancaman seks. Di samping itu juga, keputusan menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara pengalaman terhadap ancaman seksual dengan tekanan kerja. Namun begitu, bagi ciri-ciri latar belakang responden

hanya faktor umur sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan berbanding dengan faktor-faktor lain seperti taraf pendidikan, status perkahwinan dan etnik.

Rumusan yang boleh dibuat di sini ialah tingkah laku gangguan seksual telah diberi perhatian serius oleh pengkaji. Banyak kajian telah dijalankan terhadap banyak perkara dan banyak penemuan telah ditemui untuk pembuat dasar jadikan sebagai panduan dalam merangka undang-undang pencegahan perbuatan ini. Kajian ini juga mempunyai tujuan yang sama dengan kajian-kajian yang lepas. Oleh itu berbagai perkara telah dijadikan objektif untuk dicapai dalam kajian ini. Keputusan yang diperoleh kelak bolehlah pihak orgnaisasi membuat polisi pencegahan tingkah laku gangguan seksual ini dari menjadi satu wabak.

BAB DUA

METODOLOGI KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Rekabentuk kajian, tempat kajian, sampel kajian, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian yang digunakan, dan kaedah penganalisisan data juga dijelaskan dalam bab ini..

2.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan tentang kefahaman, bentuk-bentuk dan personaliti mangsa dan pelaku gangguan seksual. Justeru rekabentuk tinjauan dipilih bagi membantu pengkaji dalam usaha mendapatkan maklumat dan perincian data-data supaya menepati objektif kajian. Menurut Kerlinger (1973), kaedah tinjauan adalah sesuai dalam menjalankan kajian memandangkan skopnya yang luas. Ini menjamin kualiti maklumat yang dikumpul kerana kaedah ini memberi gambaran sebenar tentang isu yang dikaji. Kaedah ini juga lebih ekonomikal dari segi kos berbanding dengan kaedah eksperimen. Di samping itu juga, maklumat yang diperolehi adalah lebih tepat (Aznan, 1995).

Rekabentuk kajian ini dipilih berdasarkan kesesuaianya mampu menerangkan fenomena gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja. Rekabentuk tinjauan boleh dikendalikan secara besar-besaran dan merupakan satu bentuk pengutipan data yang telah dirancang bagi tujuan meramal, membuat pemerihalan dan menganalisis pembolehubah-pembolehubah dalam kajian. Di samping itu juga,

rekabentuk ini boleh digunakan untuk meninjau kepercayaan, pendapat, sikap, motivasi dan tingkah laku sebarang subjek yang mudah ditemui.

Menerusi rekabentuk ini, instrumen mengumpul data yang sering digunakan ialah soal selidik. Menurut Sekaran (1992), pengumpulan data melalui soal selidik merupakan cara yang terbaik kerana data yang dipungut hanya mengambil masa yang singkat. Hanya sebilangan responden yang terpilih dikehendaki menjawab satu set soal-selidik yang mengandungi satu rentetan soalan tertutup yang telah digubal khas untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian. Begitu juga halnya dalam menguji kebolehpercayaan alat ukuran yang digunakan dan kaedah menganalisis data keseluruhan kajian ini hanya akan digeneralisasikan kepada organisasi yang difokuskan atau dikaji sahaja. Soal selidik yang sama digunakan untuk semua responden bagi memastikan keseragaman dalam jawapan yang diberikan bagi memudahkan proses penganalisisan data nanti.

2.3 Tempat Kajian dan subjek kajian

Kajian ini dijalankan di beberapa organisasi di sekitar Johor Bahru. Sampel kajian adalah terdiri daripada pekerja-pekerja industri yang pernah menjadi dan pelaku tingkah laku gangguan seksual. Oleh itu subjek kajian ini terdiri daripada dua kategori iaitu mangsa dan pelaku gangguan seksual. Pemilihan kedua-dua subjek kajian ini dibuat berdasarkan persampelan rawak mudah.

Kaedah sosiometrik digunakan untuk mengetahui yang seseorang itu pernah menjadi mangsa atau pelaku gangguan seksual. Penyelidik dan pembantu menemui pekerja-pekerja industri dan diminta terlebih dahulu mengisi soalselidik yang menyenaraikan bentuk-bentuk gangguan seksual. Senarai gangguan seksual untuk mangsa dan pelaku adalah berasingan. Sesesiapa yang menyatakan pernah mengalami (bagi mangsa) atau melakukan (bagi pelaku) satu daripada bentuk-bentuk gangguan seksual yang dinyatakan dalam senarai adalah dikira sebagai mangsa atau pelaku. Terdapat juga sesetengah pekerja tampil mengakui pernah menjadi mangsa gangguan seksual. Setelah lebih kurang sebulan menjalankan pencarian subjek kajian, akhirnya seramai 50 orang telah dikenalpasti sebagai

mangsa tingkah laku gangguan seksual dan 47 orang sebagai pelakunya. Mereka inilah dilantik sebagai subjek kajian dan diminta mengisi soalselidik kedua.

2.4 Instrumen Kajian

Kaedah pengumpulan data kajian adalah menggunakan soal-selidik. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian:

Bahagian A: Butiran Peribadi Responden

Bahagian A dalam soal selidik ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat butiran peribadi responden supaya satu gambaran tentang latar belakang responden diperolehi. Antara item-item dalam bahagian ini ialah jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, tempoh perkhidmatan, taraf pendidikan dan pendapatan responden.

Bahagian B: Kefahaman maksud tingkah laku gangguan seksual

Bahagian ini ingin mendapatkan data tentang kefahaman subjek kajian tentang maksud tingkah laku gangguan seksual. Di samping itu bahagian ini juga ingin mengenalpasti sumber di mana subjek kajian mengetahui tentang maklumat tingkah laku gangguan seksual. Soal selidik ini dibentuk oleh pengkaji sendiri berdasarkan definisi dan kod amalan gangguan seksual di tempat kerja. Terdapat tiga pilihan pengertian konsep gangguan seksual yang diberikan dan subjek kajian dikehendaki memilihnya sama atau ketiga-tiga pilihan itu sebagai maksud gangguan seksual. Subjek yang memilih ketiga-tiga pilihan menunjukkan kefahaman mereka tentang konsep ini adalah jelas. Di samping itu terdapat juga item yang menanyakan tentang sumber-sumber maklumat yang pernah diperolehi oleh subjek kajian.

Bahagian C: Tingkah laku gangguan seksual

Bahagian ini pula adalah bertujuan untuk mengenalpasti tingkah laku gangguan seksual yang kerap berlaku dan dilakukan di tempat kerja. Item-item yang terdapat dalam bahagian ini terdiri dari bentuk-bentuk tingkah laku gangguan seksual seperti gangguan secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi dan gangguan secara fizikal. Sebahagian daripada item-item di dalam borang soal selidik diubah suai dari kajian-kajian lepas oleh Gilbert *et.al* (1998) dan sebahagian lagi dari soal selidik *Utara Sexual Harassment Questionnaire* (USHQ) oleh Sabitha (1999). Sebanyak 32 bentuk tingkah laku telah dikenalpasti sebagai gangguan seksual. Walau bagaimana pun ubahsuai telah dilakukan supaya sesuai dengan subjek kajian iaitu mangsa dan pelaku. Skala “Ya” dan “Tidak” digunakan untuk mendapatkan data. Mana-mana tingkah laku gangguan seksual yang memperolehi skor “Ya” melebih skor “tidak” dikira sebagai kerap berlaku ke atas diri mangsa atau dilakukan oleh pelaku.

Bahagian D: Personaliti

Bahagian ini bertujuan untuk mengenalpasti personaliti yang dipunyai oleh subjek kajian. Personaliti diukur menggunakan Inventori Personaliti Sidek. Inventori ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri atau tret-tret personaliti subjek kajian. Inventori ini mengandungi 150 item dan menggunakan format “Ya” dan “Tidak”. 10 item lagi yang bertujuan untuk menguji tahap penipuan dalam mengisi soalselidik dikeluarkan. Respon dari subjek kajian kepada item-item yang terkandung dalam inventori ini dapat menerangkan 15 tret personaliti yang kemungkinan dipunyai oleh seseorang subjek kajian.

Tret-tret personaliti ini dikategorikan sebagai tahap rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan skor yang diperolehi. Setiap tret personaliti akan memperolehi dari skor rendah “0” hingga skor tinggi “10”. Skor yang diperolehi ini kemudian dijadikan peratus menjadikan skor terendah “0” dan skor tertinggi “100”. Kemudian skor ini dibahagikan kepada tiga tahap mengikut kaedah *cut-of-score*. Oleh itu skor bagi tahap tinggi berada antara 70 – 100, sederhana pula ialah 30 – 69, dan skor rendah ialah 0 – 39. Setiap tahap mempunyai interpretasi yang berbeza bagi setiap

tret personaliti tersebut. Berikut dijelaskan interpretasi setiap tret personaliti mengikut tahap yang ditetapkan:-

i. Agreasif

Individu yang memperolehi skor tinggi bagi tret ini menjelaskan mereka adalah seorang yang agreeasif iaitu suka mengkritik orang lain ke arah mencapai matlamat. Dalam kebanyakan hal, individu ini tidak mengambil kira perasaan orang lain. Skor sederhana menunjukkan individu itu seorang yang asertif dan mempunyai ketegasan diri. Dalam kebanyakan hal, individu ini selalunya menuntut haknya tetapi masa yang sama menjaga perasaan orang lain. Skor rendah pula merujuk kepada individu yang pasif. Dalam kebanyakan hal individu ini membenarkan orang lain memanipulasikan diri dan perasaannya.

ii. Analatikal

Skor tinggi bagi tret ini pula menunjukkan individu ini adalah seorang sensitif kepada persekitaran, suka menganalisis orang lain, diri-sendiri mahupun situasi. Individu ini suka membuat pemerhatian, penyelidikan dan analisis. Skor sederhana pula menjelaskan individu yang sederhana minatnya kepada penyelidikan dan analisis. Skor rendah adalah merujuk kepada individu yang kurang atau tidak berminat dengan perkara-perkara yang memerlukannya membuat analisis> Individu ini adalah seorang yang praktikal. Ketika berinteraksi dengan orang lain, iaanya tidak cuba membaca yang tersirat.

iii. Autonomi

Skor tinggi adalah menunjukkan individu ini mempunyai ciri yang sukakan kebebasan sepenuhnya dalam segala tindakan serta dapat mengawal dan menentukan aktiviti-aktiviti harian. Skor sederhana pula merujuk kepada ciri autonomi pemiliknya adalah sederhana. Skor rendah adalah menjelaskan pemiliknya suka menerima arahan orang lain dan struktur sosial yang memerlukan keakuran.

iv. Bersandar

Skor tinggi adalah menggambarkan individu yang suka bergantung kepada orang lain. Dalam membuat keputusan, ianya selalu mengharapkan pendapat dan nasihat daripada orang lain terutama individu yang mempunyai autoriti. Individu ini juga selalu meminta orang lain menunjukkan arah yang harus dituju. Skor sederhana pula menjelaskan tahap pergantungan individu itu sederhana. Manakala skor rendah memaparkan yang individu itu suka berdikari. Dalam membuat sesuatu keputusan dan melakukan sesuatu aktiviti, ianya tidak bergantung kepada orang lain.

v. Ekstrovert

Individu yang memperolehi skor tinggi adalah menunjukkan seorang yang suka bersosial, berinteraksi, dan dikelilingi oleh orang lain, di samping merasa tidak selesa bersendirian. Skor sederhana adalah menjelaskan individu ini mempunyai kedua-dua ciri sosial dan tidak sosial atau tahap sosialnya adalah sederhana. Manakala skor rendah menunjukkan individu ini kurang atau tidak sosial. Individu ini selalu mengelak untuk berinteraksi dalam kumpulan besar dan lebih selesa berada dalam kumpulan kecil atau bersendirian.

vi. Intelektual

Mereka yang memperolehi skor tinggi menunjukkan seorang individu yang sukakan aktiviti yang memberi cabaran dari segi intelektual. Dengan lain perkataan, mereka ini merasa puas dengan aktiviti keilmuan tetapi tidak puas dengan aktiviti yang berulang-ulang. Skor sederhana pula menjelaskan individu ini mempunyai ciri-ciri intelektual di tahap sederhana. Manakala skor tinggi pula menggambarkan individu yang tidak merasa selesa dengan perkara-perkara yang bersifat teoritikal. Individu ini lebih berminat dan selesa dengan kerja-kerja yang berstruktur, praktikal dan pragmatik. Kerja yang dipilih selalunya adalah kerja yang mengkehendaki kemahiran.

vii. Introvert

Mereka yang memperolehi skor tinggi menggambarkan individu ini tidak suka bersosial dan suka mengelak situasi yang memaksanya berkomunikasi. Individu ini lebih selesa dengan keadaan kerja yang bersendirian atau satu-sama-satu. Skor sederhana pula menunjukkan ciri-ciri sosial individu ini berada pada tahap sederhana. Manakala skor rendah adalah menunjukkan individu ini suka bersosial dan melibatkan diri dalam perhubungan interpersonal dan ada kaitan dengan orang ramai.

viii. Kepelbagaian

Skor tinggi yang diperolehi oleh individu ini menunjukkan dapat menghayati situasi-situasi yang dapat memberi peluang untuk pengalaman-pengalaman baru. Individu ini suka kepada perubahan dan selalunya suka mencuba sesuatu yang baru dan seorang *adventures*. Skor sederhana pula menunjukkan kepelbagaian individu ini adalah ditahap sederhana. Skor rendah adalah menunjukkan individu ini lebih suka kepada situasi-situasi pekerjaan yang stabil dan selamat. Individu ini berasa tidak selesa dengan situasi dan pengalaman baru.

ix. Ketahanan

Individu yang memperolehi skor tinggi adalah menerangkan seorang yang mempunyai ketahanan dari segi fizikal, mental dan emosi. Ianya seorang yang bermotivasi dalam melakukan sesuatu tugas dan akan menyelesaikan semua tugas-tugas yang telah dimulakan. Skor sederhana adalah dirujuk kepada individu yang mempunyai ciri-ciri ketahanan di tahap sederhana. Manakala skor rendah adalah menunjukkan individu ini seorang yang kurang atau tiada ketahanan dari segi fizikal, emosi dan mental. Individu ini mengenepikan sesuatu jika dirasakan tidak bernilai, cepat bosan dan lebih mendapat kepuasan dari segi kerja-kerja kreatif atau berkaitan dengan orang ramai.

x. Kritik-diri

Skor tinggi adalah menunjukkan individu yang bermasalah. Individu ini selalu dikatakan sebagai seorang yang rendah diri, bimbang, rasa bersalah terhadap apa yang telah dilakukan dan tidak percaya yang ia telah mencapai sesuatu dengan jayanya. Skor sederhana pula dikaitkan dengan individu yang stabil dari segi emosi dan psikologi. Skor rendah pula menjelaskan individu yang menganggap diri mereka sentiasa betul dan yang bersalah adalah orang lain.

xi. Mengawal

Skor tinggi adalah bermaksud individu ini suka mengawal dan memimpin orang lain. Individu ini selalunya memilih kerjaya yang berkaitan dengan kepimpinan. Skor sederhana pla menggambarkan individu yang mempunyai ciri-ciri mengawal dan kepimpinan di tahap yang sederhana. Skor rendah pula menjelaskan yang individu ini selesa dipimpin.

xii. Menolong

Skor tinggi adalah menunjukkan individu ini mempunyai keinginan untuk mencerahkan sempati, kasih sayang, memberi bantuan dan membuat kebaikan dan kebijakan kepada orang lain. Skor sederhana adalah menunjukkan ciri-ciri menolong individu ini adalah di tahap sederhana. Manakala skor rendah adalah menunjukkan individu ini tidak suka terlibat secara emosi dengan orang lain dan lebih berfokus kepada diri sendiri.

xiii. Sokongan

Skor tinggi adalah menunjukkan individu ini adalah seorang yang mempunyai keinginan untuk dikasih, difahami dan mendapat sempati. Kombinasi dengan skor rendah untuk tret menolong menunjukkan individu ini adalah sangat mementingkan diri. Skor sederhana adalah menunjukkan ciri-ciri sokongan individu ini di tahap sederhana. Manakala skor rendah

adalah menunjukkan individu ini tidak sula bergantung secara emosi kepada orang lain.

xiv. Struktur

Skor tinggi adalah menggambarkan individu yang suka kepada perkara-perkara berstruktur, rutin, dan terperinci. Mereka ini lebih gemarkan kepada kerjaya yang memerlukan kekemasan, peraturan, ketelitian dan berulang-ulang. Skor sederhana menunjukkan ciri personaliti struktur individu itu berada di tahap sederhana. Skor rendah adalah merujuk kepada individu yang suka kepada aktiviti yang tidak berstruktur dan tidak berulang-ulang.

xv. Pencapaian

Skor tinggi adalah menunjukkan individu ini adalah sangat bermotivasi dan suka bersaing dalam mencapai matlamat. Skor sederhana pula menunjukkan tahap motivasi individu ini di tahap sederhana. Skor rendah adalah menjelaskan individu ini sangat rendah motivasinya dan tidak begitu kisah tentang peranan status dan kuasa dalam kerjayanya.

2.5 Kaedah Penganalisisan Data

Data-data yang terkumpul dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan bantuan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) 10.0 for Windows*. Kesemua data dianalisis menggunakan statistik deskriptif kerana ia sesuai dengan objektif kajian yang bertujuan untuk membuat huraian setiap konsep yang dikaji. Justeru itu, statistik peratusan, taburan, dan kecenderungan memusat – min digunakan dalam kajian ini

BAB TIGA

KEPUTUSAN KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan hasil kajian. Pembentangan hasil kajian ini adalah berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan dalam bab satu.

3.2 Latar Belakang Subjek Kajian

Jadual 3.1 mengambarkan taburan subjek kajian mengikut ciri-ciri yang terpilih. Jumlah subjek kajian terdiri daripada 50 orang sebagai mangsa dan 47 orang sebagai pelaku. Oleh itu jumlah keseluruhan subjek kajian ialah 97 orang. Satu daripada ciri-ciri subjek kajian yang tidak termasuk dalam jadual ialah jantina. Dari data yang diperolehi didapati kesemua (100%) mangsa gangguan seksual adalah wanita, manakala pelakunya ialah lelaki.

Apa yang boleh disimpulkan tentang taburan subjek kajian mengikut umur ialah kebanyakannya didapati pekerja muda merupakan sasaran sebagai mangsa, begitu juga dengan pelakunya. Julat umur mangsa adalah antara 21 tahun hingga 40 tahun. Rata-rata mangsa (60%) dan pelaku (53.2%) adalah terdiri dari mereka yang berumur kurang 30 tahun. Taburan pekerja wanita yang menjadi mangsa gangguan seksual pada umur 36 - 40 tahun iaitu 26%. Manakala taburan pelaku gangguan seksual pada umur 36 – 40 tahun ialah 21.3% Hanya 14% mangsa dan 25.5% pelaku gangguan seksual berusia antara 20 hingga 35 tahun.

Jadual 3.1: Latar belakang Mangsa dan Pelaku

Perkara		Mangsa		Pelaku	
		Bil		Bil	%
Umur	Di bawah 24	10	20	11	23.4
	25-30	20	40	14	29.8
	30-35	7	14	12	25.5
	36-40	13	26	10	21.3
Bangsa	Melayu	45	90	38	80.9
	Cina	2	4	5	10.6
	India	2	4	4	8.5
	Lain-lain	1	2	-	-
Status	Berkahwin	27	44	22	46.8
	Bujang	22	54	23	48.9
	Duda/Janda	1	2	2	4.3
Pendidikan	SRP	2	4	7	14.9
	SPM	17	34	23	48.9
	STPM/DIPLOMA	16	32	9	19.1
	IJAZAH	2	24	6	12.8
	Lain-lain	3	6	2	4.3
Pendapatan	Kurang RM 500	15	39	2	4.3
	RM501 – 1000	17	34	17	36.2
	RM1001- 1500	10	20	19	40.4
	RM1501-2000	2	4	4	8.5
	RM2001-2500	3	6	2	4.3
	RM2501-3000	3	6	1	2.1
	lebih RM3000	2	4	2	4.3
Agama	Islam	45	90	38	80.9
	Buddha	1	2	4	8.5
	Hindu	1	2	4	8.5
	Kristian	2	4	1	2.1
	Lain-lain	1	2	-	-
Jumlah		50 orang		47 orang	

Meneliti tentang ciri bangsa pula didapati sebahagian besar mangsa (90%) gangguan seksual dan pelakunya (80.9) adalah orang Melayu. Bagi kaum Cina, India dan lain-lain hanya 10% sahaja menjadi mangsa dan 19.1% sahaja sebagai pelakunya. Jumlah yang serupa juga menggambarkan ciri-ciri mangsa dan pelaku mengikut faktor beragama Islam. Mangsa dan pelaku yang beragama Hindu dan Buddha pula adalah 4% dan 8.5%. Hanya 4% dan 2.1% sahaja mangsa dan pelaku beragama Kristian.

Keputusan kajian juga menunjukkan status mangsa dan pelaku gangguan seksual adalah mereka yang masih bujang dan yang sudah berumah tangga. Ini dapat dilihat pada peratus kedua-dua status mangsa dan pelaku gangguan seksual ini. Jadual 3.1 menunjukkan 54% dari keseluruhan mangsa adalah yang masih bujang, 44% sudah berumahtangga dan hanya 2% sahaja mereka yang status duda/janda. Bagi pelaku pula 48.9% adalah mereka yang masih bujang, 46.8% yang sudah berumahtangga dan 4.3% adalah mereka yang bertatus duda/janda.

Melihat pada ciri pendidikan pula, nampaknya paling ramai mangsa (34%) dan pelaku (48.9%) gangguan seksual adalah mereka yang memegang Sijil Pelajaran Malaysia. Mereka yang memegang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan Diploma pula adalah yang kedua ramai jumlahnya iaitu 32% (mangsa) dan 19.1% (pelaku). Lain-lain mangsa pula adalah pemegang ijazah (24%), Sijil Rendah Pelajaran (4%), dan lain-lain (6%). Bagi pelaku yang memegang ijazah ialah 12.8%, Sijil Rendah Pelajaran ialah 14.9% dan lain-lain ialah 4.3%.

Satu lagi ciri yang diperhatikan dalam kajian ini untuk membezakan antara mangsa dan pelaku ialah pendapatan. Hal ini adalah bertujuan untuk menentukan adakah mangsa dikalangan mereka berpendapatan rendah dan pelaku adalah mereka di kalangan yang berpendapatan tinggi atau sebaliknya. Taburan bagi faktor pendapatan mangsa dan pelaku adalah kurang RM 500 hingga lebih RM 3000. Apabila diperincikan mengikut kategori berdasarkan julat RM 500 setiap kategori didapati 39% adalah mereka berpendapatan kurang RM 500, RM501-1000 (34%), RM 1501- 2000 (4%), RM 2001-2500 (6%), RM 2501-3000 (6%) dan lebih RM 3000 (4%). Bagi pelaku pula mereka

yang berpendapatan kurang RM 500 (4.3%), RM 501-1000 (36.2%), RM 1001 – 1500 (40.4%), RM 1501 – 2000 (8.5%), RM 2001 – 2500 (4.3%), RM 2501 – 3000 (21.%) dan lebih RM 3000 (4.3%). Keputusan yang diperoleh ini menunjukkan paling ramai jumlah mangsa adalah dikalangan mereka yang berpendapatan kurang RM1500 sebulan, manakala pelakunya pula adalah mereka yang berpendapatan antara RM 500 – 2000.

3.3. Kefahaman Mangsa dan Pelaku Tentang Gangguan Seksual

Jadual 3.2: Kefahaman Mangsa dan Pelaku tentang Gangguan Seksual

Perkara	Pelaku		Mangsa	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Gangguan seksual ialah:				
1. Sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingin dan berbentuk satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi, atau fizikal.	89.4%	10.6%	90%	10%
2. Sebarang tingkah laku berbentuk ugutan dan memberi kesan secara langsung kepada prestasi pelajaran dan sosial seseorang.	21.3%	78.7%	24%	76%
3. Ancaman kepada ketenteraman peribadi berupa perlakuan seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan, atau penghinaan tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan kerja harian.	29.8%	70.2 %	18%	82%

Jadual 3.2 menunjukkan kefahaman pelaku dan mangsa tentang maksud gangguan seksual. Seramai 89.4% dan 90% responden pelaku dan mangsa bersetuju dengan definisi pilihan satu. Bagi definisi pilihan kedua dan ketiga, masing-masing pelaku dan mangsa menyatakan kurang bersetuju dengan pernyataan yang diberi. Responden pelaku dan mangsa yang kurang bersetuju dengan pernyataan pilihan kedua ialah 78.7% dan 76%. Manakala 70.2% dan 82% pelaku dan mangsa menyatakan kurang bersetuju dengan definisi pilihan ketiga. Berdasarkan keputusan yang diperolehi itu jelas menunjukkan bahawa kefahaman tentang maksud gangguan seksual adalah serupa iaitu sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan berbentuk satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi, atau fizikal. Sedangkan pengertian gangguan seksual juga meliputi pernyataan pilihan kedua dan ketiga.

3.4. Sumber Maklumat Tentang Gangguan Seksual

Jadual 3.3: Sumber maklumat gangguan seksual

Sumber Maklumat	Pelaku		Mangsa	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1. Majalah / akhbar	78.7%	21.3%	84.0%	16.0%
2. Seminar / kursus	14.9%	85.1%	12.0%	88.0%
3. Internet	27.7%	70.2%	28.0%	72.0%
4. Rakan	38.3%	61.7%	44.0%	56.0%
5. Program TV/radio	66.0%	34.0%	58.0%	42.0%
6. Susah mendapatkan maklumat gangguan seksual	12.8%	87.2%	22.0%	78.0%

Jadual 3.3 memaparkan keputusan tentang sumber maklumat gangguan seksual yang kerap diterima oleh pelaku dan mangsa. Keputusan yang diperolehi menunjukkan yang pelaku (78.7%) dan mangsa (84%) kerap menerima maklumat tentang gangguan seksual dari majalah dan surat khabar. Program televisyen dan radio merupakan sumber kedua banyak memberi maklumat tentang gangguan seksual kepada pelaku (66.0%) dan mangsa (58.0%). Kursus, seminar, internet, dan rakan didapati kurang memberi maklumat tentang gangguan seksual sama ada kepada mangsa dan mahupun pelaku. Responden kajian yang menerima maklumat tentang gangguan seksual dari kursus atau seminar ialah 14.9% (pelaku) dan 12.0% (mangsa), internet 27.7% (pelaku) dan 28.0% (mangsa), dan rakan 38.3% (pelaku) dan 44.0% (mangsa). Berdasarkan keputusan yang diperolehi didapati media massa sama ada bercetak (majalah dan akhbar) dan elektronik (televesyen dan radio) merupakan sumber maklumat tentang gangguan seksual kepada pelaku dan mangsa.

3.5 Personaliti Mangsa Dan Pelaku Gangguan Seksual

Jadual 3.4 memaparkan jenis personaliti mangsa gangguan seksual. Keputusan yang diperolehi menunjukkan kebanyakan mangsa mempunyai jenis personaliti pada tahap rendah. Jenis personaliti itu termasuklah autonomi (62.7%, min = 3.22, SD = 2.050), bersandar (58.8%, Min = 3.24, SD = 1.97), ekstrovert (41.2%, Min = 4.62, SD = 5.51), mengawal (64.7%, Min = 5.68, SD = 2.49), menolong (74.5%, Min = 2.50, SD2.12), struktur (82.4%, Min = 2.46, SD = 2.07), dan pencapaian (64.7%, Min = 3.26, SD = 2.14).

Terdapat beberapa personaliti mangsa gangguan seksual kajian ini berada pada tahap sederhana. Personaliti itu termasuklah agreasif (56.9%, min = 3.92, SD = 1.86), analitikal (45.1%, Min = 3.98, SD = 2.60), intelektual (45.1%, Min = 5.38, SD = 2.60), introvert (54.9%, Min = 4.64, SD = 2.30), Pelbagai (49.0%, Min = 4.58, SD = 2.20), ketahanan (43.1%, min = 2.90, SD = 2.31), dan sokongan (49.0%, Min = 4.26, SD =

2.12). Walaupun tidak terdapat satu tret personaliti mangsa berada pada tahap tinggi. Namun begitu terdapat dua tret personaliti yang berada pada tahap yang dianggap tinggi iaitu katahanan (39.2%, Min 2.90, SD = 2.31) dan intelektual (54.9%, Min = 5.38, SD = 2.60).

Jadual 3.4 juga menjelaskan penghargaan kendiri mangsa. Keputusan yang diperolehi menunjukkan penghargaan kendiri mangsa gangguan seksual ini berada pada tahap yang sederhana (76%). Min penghargaan kendiri mangsa berada pada titik 33.1 dan sisihan piawaian ialah 4.2. Berdasarkan keputusan yang diperolehi ini dapatlah disimpulkan bahawa penilaian menyeluruh tentang diri mangsa adalah pada tahap sederhana di antara titik positif (tahap tinggi) hingga ke titik negatif (tahap rendah).

Jadual 3.4: Personaliti mangsa gangguan seksual

BIL	JENIS PERSONALITI	Tahap Tinggi	Tahap Sederhana	Tahap Rendah	Nilai Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	Min	SP
1	Agreasif	3.9	56.9	39.2	3.92	1.86
2	Analitikal	13.7	45.1	41.2	3.98	2.60
3	Autonomi	7.8	29.4	62.7	3.22	2.05
4	Bersandar	3.9	37.3	58.8	3.24	1.97
5	Ekstrovert	21.6	37.3	41.2	4.62	5.51
6	Intelektual	31.4	45.1	23.5	5.38	2.60
7	Introvert	17.6	54.9	27.5	4.64	2.30
8	Pelbagai	11.8	49.0	39.2	4.58	2.20
9	Katahanan	39.2	43.1	17.6	2.90	2.31
10	Kritik-diri				4.02	1.78
11	Mengawal	13.7	21.6	64.7	5.68	2.49
12	Menolong	3.9	21.6	74.5	2.50	2.12
13	Sokongan	13.7	49.0	37.3	4.26	2.12
14	Struktur	5.9	11.8	82.4	2.46	2.07
15	Pencapaian	9.8	25.5	64.7	3.26	2.14

Jadual 3.5 pula memaparkan jenis personaliti pelaku gangguan seksual. Keputusan yang diperolehi menunjukkan kebanyakan pelaku mempunyai jenis personaliti

pada tahap sederhana. Jenis personaliti itu termasuklah analitikal (46.8%, min = 6.19, SD = 2.60), bersandar (46.8%, Min = 6.25, SD = 1.97), ekstrovert (44.7%, Min = 6.40, SD = 5.51), intelektual (55.3%, min = 5.74, SD = 2.60), introvert (57.4%, min = 5.42, SD = 2.30), pelbagai (49.0%, min = 6.02, SD = 2.20), ketahanan (43.1%, min = 6.87, SD = 2.31), kritik diri (57.4%, min = 8.08, SD = 1.78), mengawal (51.1%, Min = 5.38, SD = 2.49), dan sokongan (59.6%, min = 5.55, SD = 2.12). Terdapat empat jenis personaliti pelaku di tahap tinggi iaitu autonomi (44.9%, min = 6.76, SD = 2.05), menolong 61.7%, min = 6.36, SD = 2.12), struktur (61.7%, Min = 6.72, SD = 2.07), dan pencapaian (57.4%, Min = 7.06, SD = 2.14). Keputusan juga menunjukkan terdapat satu sahaja personaliti pelaku yang berada pada tahap keseluruhannya rendah iaitu agreeasif (100%, min = 6.12, SD = 1.86).

Jadual 3.5: Personaliti pelaku gangguan seksual

BIL	JENIS PERSONALITI	Tahap Tinggi	Tahap Sederhana	Tahap Rendah	Nilai Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	Min	SP
1	Agreasif	0	0	100	6.12	1.86
2	Analitikal	40.4	46.8	12.8	6.19	2.60
3	Autonomi	48.9	44.7	6.4	6.76	2.05
4	Bersandar	44.7	46.8	8.5	6.25	1.97
5	Ekstrovert	42.6	44.7	12.7	6.40	5.51
6	Intelektual	36.2	55.3	8.5	5.74	2.60
7	Introvert	27.7	57.4	14.9	5.42	2.30
8	Pelbagai	11.8	49.0	39.2	6.02	2.20
9	Ketahanan	39.2	43.1	17.6	6.87	2.31
10	Kritik-diri	36.2	57.4	6.4	8.04	1.78
11	Mengawal	34.0	51.1	14.9	5.38	2.49
12	Menolong	61.7	29.8	8.5	6.36	2.12
13	Sokongan	27.7	59.6	12.8	5.55	2.12
14	Struktur	61.7	29.8	8.5	6.72	2.07
15	Pencapaian	57.4	38.3	4.3	7.06	2.14

Jadual 3.5 juga menjelaskan penghargaan diri pelaku. Keputusan yang diperolehi menunjukkan harga diri pelaku gangguan seksual ini berada pada tahap yang rendah (40.4%) berbanding tahap sederhana (38.3%) dan tinggi (21.3%). Min penghargaan diri

mangsa berada pada titik 36.81 dan sisihan piawaian ialah 3.6. Berdasarkan keputusan yang diperolehi ini dapatlah disimpulkan bahawa penilaian menyeluruh tentang diri pelaku adalah pada tahap rendah. Dengan lain perkataan, pelaku gangguan seksual tidak berasa selesa dengan diri mereka pada kebanyakan masa, kerap kali kurang yakin dan kurang menghargai diri sendiri.

3.6 Bentuk Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

Jadual 3..6 menunjukkan keputusan tentang bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap berlaku di tempat kerja ke atas diri mangsa. Terdapat 12 tingkah laku gangguan seksual yang kerap berlaku iaitu melebih 50% pada diri mangsa. Tingkah laku itu boleh dilihat pada rajah 3.1. Tingkah laku-tingkah lakuitu ialah ditepuk (60%), menerima panggilan telefon berunsur seks (58%), direnung dan dilirik yang berunsur lucah (62%), diberi isyarat berunsur lucah (60%), mendengar perbualan lucah (54%), ditegur dengan kata-kata berunsur lucah mengenai tubuh badan (56%), didedahkan dengan bahan-bahan berunsur seks (74%), gurau senda menggunakan bahasa lucah (74%), menjadi sasaran kiasan seks (66%), berdiri dan duduk dengan rapat sehingga merasa tidak selesa (68%), disentuh bahagian badan tidak sulit seperti tangan dan sebagainya (52%), dan ditegur dengan perkataan yang berbaur seks seperti manis, sayang, buah hati secara tidak ikhlas (52%).

Terdapat juga beberapa tingkah laku yang tidak kerap iaitu kurang 10% dilakukan oleh pelaku ke atas mangsa. Tingkah laku itu meliputi dicium (2%), dipaksa menerima pelawaan sek atau sosial (10%), dijanjikan ganjaran jika memberi kerjasama kepada perbuatan yang berunsur seks (2%), diminta balik lewat ataukerja lebih masa walaupun tidak ada kerja yang hendak dilakukan (8 %), dihadiahkan cenderahati yang berunsur intim seperti pakaian dalam (4 %), dipaksa secara fizikal untuk melakukan hubungan seks (4 %), dan dipaksa menerima jemputan sosial (10 %).

Jadual 3.6: Bentuk tingkah laku gangguan seksual di tempat kerja mengikut persepsi mangsa

Bil	Jenis Tingkah Laku	Kekerapan	
		Ya	Tidak
1	Ditepuk	60	40
2	Dicium	2	98
3	Dipeluk	20	80
4	Dicubit	34	66
5	Disentuh bahagian tubuh yang sulit\	16	84
6	Digesel dan diraba badan	58	40
7	Menerima panggilan telefon berunsur sex	40	60
8	Direnung, dilirik yang berunsur lucah	62	36
9	Menerima surat berunsur sex	14	86
10	Dipaksa secara lisan untuk melakukam hubungan sex	14	86
11	Diberi isyarat berunsur sex	60	40
12	Mendengar perbualan berunsur sex	54	46
13	Ditegur dengan kata-kata berunsur sex mengenai tubuh badan	56	44
14	Didedah kepada bahan-bahan yang berunsur sex	74	26
15	Gurau senda menggunakan bahasa lucah	74	26
16	Menjadi sasaran terhadap kiasan seks	66	34
17	Rakan sejawat menyebarkan khabar-khabar angin yang berunsur ses mengenai anda kepada orang lain	18	82
18	Berdiri atau duduk dengan rapat sehingga merasa tidak selesa	68	32
19	Dipaksa menerima pelawaan sek atau sosial	10	90
20	Ditegur dengan kata-kata berunsut sek	36	64
21	Disiul dan membuat riuh yang berunsur sek	24	76
22	Dijanjikan hadiah, layanan baik, atau kenaikan pangkat jika memberi kerjasama kepada perbuatan berunsur sex	2	98
23	Diminta agar balik lewat atau kerja lewat untuk berkerja bersama-sama walaupun tidak ada kerja yang hendak dilakukan	8	92
24	Dihadiahkan cenderahati yang berunsur intim seperti pakaian dalam	4	96
25	Disentuh bahagian badan yang tidak sulit seperti tangan dan sebagainya	52	48
26	Ditegur menggunakan perkataan yang berbau sek seperti manis, sayang, buah hati secara tidak ikhlas	52	48
27	Dipaksa secara fizikal untuk melakukan hubungan seks	4	96
28	Diajak bergurau atau berbicara tentang wanita yang kurang disenangi oleh anda	26	74
29	Diajak bergurau atau berbicara tentang lelaki yang kurang disenangi oleh wanita	22	78
30	Diberi layanan yang berbeza disebabkan anda seorang wanita	32	68
31	Dipaksa menerima jemputan sosial	10	90
32	Ditegur tentang penampilan atau menyarankan anda bertukar wajah supaya anda kelihatan cantik	30	70

Jadual 3.7: Tingkah laku gangguan seksual di tempat kerja mengikut persepsi pelaku

Bil	Jenis Tingkah Laku	Kekerapan	
		Ya	Tidak
1	Berpakaian dengan cara yang menjolok mata atau tidak mengikut kod berpakaian di tempat kerja	36.2	63.8
2	Memberi cenderahati yang berunsur intim seperti pakaian dalam dan sebagainya	38.3	61.7
3	Menyentuh bahagian yang tidak sulit seperti tangan dan pipi	70.2	29.8
4	Menggunakan perkataan yang berbau seks seperti manis, sayang, buah hati secara tidak ikhlas	63.8	36.2
5	Menepuk rakan berlainan jantina	57.4	42.6
6	Bergurau dan berbicara tentang wanita yang kurang disenangi oleh wanita	51.1	48.9
7	Bergurau atau berbicara tentang lelaki yang kurang disenangi oleh wanita	36.2	63.8
8	Memberi layangan yang berbeza disebabkan 'dia' seorang wanita	59.6	40.4
9	Memaksa untuk jemputan sosial	29.8	70.2
10	Memberi komen tentang maruah diri	51.1	48.9
11	Menyentuh rakan sekerja wanita di bahagian tubuh yang sulit	40.4	59.6
12	Mencium	46.8	53.2
13	Memeluk	46.8	53.2
14	Memaksa secara fizikal untuk melakukan hubungan seks	23.4	76.6
15	Memaksa secara lisan untuk melakukan hubungan seks	29.8	70.2
16	Menggesel dan meraba badan pekerja wanita	38.3	61.7
17	Berdiri atau duduk rapat-rapat dengan rakan sekerja wanita	55.3	44.7
18	Membuat panggilan telefon untuk berbual tentang seks	44.1	55.3
19	Merenung atau melirik yang berunsur lucah	55.3	44.7
20	Menghantar surat berunsur lucah	25.5	74.5
21	Menjanjikan hadiah, layanan baik atau kenaikan pangkat jika memberi kerjasama kepada perbuatan berunsur seks	80.9	19.1
22	Memberi isyarat berunsur seks	63.8	36.2
23	Memulakan perunsur seks	42.6	57.4
24	Menegur dengan kata-kata berunsur seks mengenai tubuh badan	63.8	36.2
25	Mendedahkan rakan sekerja wanita dengan bahan-bahan berunsur seks	61.7	38.3
26	Merenung rakan sekerja wanita dengan ghairah	74.5	25.5
27	Mencadangkan kepada rakan sekerja wanita supaya bekerja lebih masa bersama walaupun tiada kerja yang perlu disiapkan	59.6	40.4
28	Menegur penampilan rakan sekerja wanita dengan nada berbaur seks	57.4	42.6
29	Berjalan atau beraksi dengan cara mengoda	31.9	68.1

Jadual 3.7 menyenaraikan keputusan kajian mengenai tingkah laku gangguan seksual yang kerap dilakukan oleh pelaku. Mana-mana tingkah laku gangguan seksual yang kekerapannya melebih 50% dipaparkan dalam rajah 3.2. Daripada rajah tersebut

didapati 15 tingkah laku gangguan seksual yang dikira paling kerap dilakukan oleh pelaku. Tingkah laku yang paling kerap dilaku ialah menjanjikan ganjaran jika mangsa memberi kerjasama terhadap perbuatan berunsur seks (80.9%), kemudian diikuti oleh tingkah laku mendedahkan rakan sekerja wanita dengan bahan-bahan yang mengandungi unsur seks (74.5%), menyentuh bahagian tidak sulit seperti tangan dan pipi (70.2%), menggunakan perkataan berbaur seks seperti manis, sayang dan sebagainya (63.8%), memberi isyarat berunsur seks (63.8%), menegur dengan kata-kata berunsur seks mengenai tubuh badan (61.7%).

Tingkah-tingkah laku lain yang dikira kerap berlaku ke atas mangsa seperti merenung pekerja wanita dengan penuh ghairah (59.6%), beri layanan berbeza sebab ‘dia’ pekerja wanita (59.6%), meminta pekerja wanita balik lambat / berkerja lebih masa walaupun tiada kerja yang perlu disiapkan (57.4%), menepuk bahagian tidak sulit seperti tangan, badan dan sebagainya (57.4%), menghantar surat berunsur seks (55.3%), berdiri atau duduk rapat-rapat dengan pekerja wanita (55.3%), bergurau mengenai wanita yang tidak disenangi oleh pekerja wanita (51.1%), dan memberi komen tentang maruah diri (51.1%).

Lain-lain tingkah laku pula dikategorikan sebagai sederhana kerap dilakukan oleh pelaku. Tingkah laku itu ialah berpakaian cara menjolok mata atau tidak mengikut kod berpakaian kemas (36.2%), memberi cenderahati yang berunsur intim seperti pakaian dalam (38.3%), bergurau dan berbicara tentang lelaki yang tidak disenangi oleh oekerja wanita (36.2%), memaksa untuk jemputan sosial (39.8%), menyentuh bahagian sulit pekerja wanita (40.4%), mencium (46.8%), memeluk (46.8%), memaksa secara fizikal melakukan hubungan seks (23.4%), memaksa secara lisan melakukan hubungan seks (29.8%), mengesel dan meraba badan pekerja wanita (38.3%), membuat panggilan telefon untuk berbual tentang seks (44.1%), berjalan atau beraksi dengan cara menggoda (31.9%), menghantar surat berunsur lucah (25.5%), dan melakukan tingkah laku lucah (42.6%).

BAB EMPAT

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

4.1 Pengenalan

Diskriminasi seksual terhadap wanita adalah masalah yang telah lama wujud. Walau bagaimanapun, baru-baru ini sahaja masalah ini semakin dapat meningkatkan perhatian masyarakat di negara kita. Sesetengah mangsa telahpun berani membawa membawa kesnya ke mahkamah. Ini adalah kerana, masalah gangguan seksual semakin signifikan dalam industri dan organisasi. Semakin ramai mangsa gangguan seksual tampil menyatakan kesengsaraan yang mereka alami, sama ada zahir atau batin, akibat dari kesan gangguan seksual. Persoalannya, mengapa sesetengah individu sahaja terlibat dalam masalah gangguan seksual ini sedangkan yang lainnya tidak? Dengan erti kata lain, faktor apakah yang mendorong mereka ini, sama ada mangsa atau pelaku, ke kancang gangguan seksual ini.

Oleh itu, kajian ini hendak membuktikan bahawa personaliti adalah sebagai satu daripada faktor yang mendorong berlakunya tingkah laku gangguan seksual. Untuk itu, kajian ini ingin megenalpasti personaliti yang dipunyai oleh mangsa dan pelaku gangguan seksual. Di samping itu juga, kajian ini ingin bentuk-bentuk tingkah laku gangguan seksual yang kerap dilakukan oleh pelaku dan yang dialami oleh mangsa. Tujuan kajian ini adalah untuk membuktikan seteruk mana tingkah laku seksual ini dilakukan oleh pelaku dan dialami oleh mangsa. Tujuan lain kajian ini dijalankan adalah

untuk menguji kefahaman mangsa dan pelaku tentang konsep gangguan seksual ini dan sumber-sumber yang memberi mereka maklumat tentang gangguan seksual

Kajian ini adalah berupa kajian lapangan. Ia dikendalikan di kalangan pelaku dan mangsa yang telah dipilih secara sosiometrik sebagai subjek kajian. Kaedah sosiometrik dijalankan dengan cara meminta sesiapa sahaja yang ditemui mengisi satu borang yang berkehendakkan mereka menandakan tingkah laku-tingkah laku gangguan seksual yang yang disenaraikan yang pernah dialami oleh mereka. Dalam kajian ini telah ditetapkan walaupun mereka yang ditemui itu menandakan satu sahaja daripada tingkah laku-tingkah laku gangguan seksual yang disenaraikan akan dikira sebagai mangsa atau pelaku. Setelah selama sebulan pencarian ini dijalankan, akhirnya seramai 50 orang mangsa dan 47 orang pelaku telah ditemui dan dilantik sebagai subjek kajian. Kemudian, satu soalselidik sebenar diserahkan untuk mendapatkan respon mereka bagi tujuan pengumpulan data. Data-data ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu peratusan dan kecenderungan memusat.

4.2 Latar Belakang Mangsa Dan Pelaku Gangguan Seksual

Keputusan kajian menunjukkan bahawa jantina adalah faktor yang paling menonjol untuk menjelaskan antara pelaku dan mangsa. Kesemua pelaku gangguan seksual yang ditemui dalam kajian ini adalah lelaki dan mangsa pula adalah wanita. Keputusan ini adalah menyamai dengan keputusan kajian yang ditemui oleh (Baldridge & McLean, 1980; Jones & Remland, 1992; Terpstra & Cook, 1985). Terpstra dan Cook (1985) misalnya mendapati 94% mereka yang membuat laporan ke pihak berkuasa adalah kaum wanita. Pengkaji—pengkaji tersebut mengakui telah menemui laporan yang dibuat oleh kaum lelaki, walau bagaimanapun jumlahnya adalah sedikit. Berdasarkan keputusan ini bolehlah disimpulkan bahawa kaum wanita adalah terdedah sebagai mangsa gangguan seksual yang kebanyakannya dilakukan oleh kaum lelaki.

Melihat kepada lain-lain faktor demografi didapati bahawa antara pelaku dan mangsa adalah lebih kurang serupa. Kajian ini telah menemui bahawa di kalangan mangsa, mereka yang sering terdedah kepada perlakuan gangguan seksual adalah yang muda iaitu berumur kurang 30 tahun (60%) dan kebanyakannya masih lagi bujang (54%). Keputusan ini hampir menyamai keputusan kajian yang telah diperolehi oleh Terpstra dan Cook (1985). Keputusan kajian beliau telah menemui 72% mangsa gangguan seksual adalah mereka yang berumur antara 20-34 tahun dan 43%nya adalah masih lagi bujang. Mereka yang janda didapati kurang menjadi mangsa gangguan seksual. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa 2% sahaja mangsa terdiri dari janda.

Apabila dilihat pada tahap pendidikan dan pendapatan adalah didapati kebanyakan mangsa adalah berpendidikan menengah dan tinggi. Lima puluh enam peratus adalah mereka yang berpendidikan tahap diploma dan lebih tinggi, manakala 34% adalah berpendidikan pada tahap menengah (Sijil Pelajaran Malaysia). Berdasarkan penemuan kajian ini boleh dikatakan mereka yang berpendidikan rendah – Sijil Rendah Pelajaran dan ke bawah, adalah kurang terdedah dengan perlakuan gangguan seksual ini. Melihat pada pendapatan mangsa gangguan seksual, kebanyakannya berpendapatan antara RM 500 hingga RM 1500 sebulan.. Keputusan kajian ini menguatkan lagi tentang keputusan mengenai tahap pendidikan mangsa. Namun apabila melihat mereka yang berpendapatan kurang daripada RM 1500 didapati kurang menjadi mangsa gangguan seksual. Berdasarkan keputusan kajian ini bolehlah diandaikan bahawa mereka yang baru bekerja sahaja luas terdedah kepada gangguan seksual. Keputusan kajian ini menyerupai dengan kajian Fitzgerald dan Ormerod (1993).

Berkenaan dengan pelaku, keputusan menunjukkan bahawa tiada satu peringkat umur yang nampaknya menonjol sebagai pelaku. Dengan kata lain, setiap peringkat umur yang dikaji berpotensi sebagai pelaku gangguan seksual. Oleh yang demikian, apabila melihat status mana yang sering melakukan gangguan seksual didapati mereka yang bujang (48.9%) dan berkahwin (46.8%) adalah antara yang kerap melakukan perlakuan gangguan seksual ini. Golongan duda (4.3%) didapati kurang melakukan gangguan seksual. Melihat faktor pendidikan dan pendapatan pelaku pula, keputusan menunjukkan

48.9% adalah mereka yang berpendidikan menengah iaitu Sijil Pelajaran Malaysia yang kerap melakukan tingkah laku gangguan seksual ini. Mereka yang berpendidikan Sijil Rendah Pelajaran atau Penilaian Menengah Rendah, Sijil Tinggi Pelajaran dan Diploma, dan Ijazah didapati kurang melakukan tingkah laku tidak bermoral ini. Justeru itu, mereka yang berpendapatan antara RM 500 hingga RM 1500 yang kerap kerap melaku gangguan seksual. Oleh itu keputusan ini menyokong keputusan kajian Lee Lai Ching (2001) yang telah menemui keputusan yang menunjukkan bahawa rakan sebaya dan penyelia yang dikatakan sebagai pelaku gangguan seksual di tempat kerja bukannya majikan dan ketua tinggi dalam organisasi. Pada keseluruhannya penemuan kajian ini perlu dikaji lagi kerana kekurangan kajian lepas dilakukan terhadap pelaku gangguan seksual. Kebanyakan kajian lepas memfokus kepada persoalan mengapa golongan lelaki kerap melakukan gangguan seksual dan faktor-faktornya (Driscoll et al., 1998).

4.3 Kefahaman Mangsa dan Pelaku tentang Konsep Gangguan Seksual

Tingkah laku gangguan seksual juga ada hubungannya dengan kefahaman pelaku dan mangsa gangguan seksual terhadap terma ini. Menurut Blumenthal (1998) kefahaman terma gangguan seksual dikalangan lelaki dan wanita adalah berbeza. Menurut beliau lagi sikap lelaki dan wanita tentang hubungan romantik dan gangguan seksual berbeza. Bagi wanita, mereka telah memaksimakan jumlah dan jenis tingkah laku yang dikatakan sebagai gangguan seksual berbanding lelaki (Kenig & Ryan, 1986). Misalnya golongan wanita melihat surat, panggilan telefon, sentuhan, cubitan, tamparan, atau renungan yang berunsur seks adalah sebagai gangguan seksual. Sebaliknya sesetengah lelaki beranggapan perkara tersebut adalah normal dalam hubungan sosial (Tata, 1993).

Oleh yang demikian, kajian ini cuba mengenalpasti kefahaman pelaku dan mangsa tentang terma gangguan seksual. Untuk itu, pengkaji telah memilih tiga definisi terma gangguan seksual yang diperolehi dari sorotan kajian-kajian lepas. Subjek kajian dikehendaki menentukan pilihan mana sebagai definisi gangguan seksual. Mereka

dibenarkan memilih satu, dua atau kesemua pilihan tersebut. Definisi gangguan seksual yang dipilih berbunyi:-

- Pilihan 1: Sebarang tingkah laku yang berunsur seksual yang tidak diingini dan berbentuk satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal.
- Pilihan 2: Sebarang tingkah laku berbentuk ugutan seks dan memberi kesan secara langsung kepada prestasi dan sosial seseorang.
- Pilihan 3: Ancaman kepada ketenteraman berupa perlakuan seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan tetapi tidak mempunyai kaitan secara lansung dengan kerja harian.

Keputusan yang diperolehi didapati 89.4% pelaku dan 90% mangsa memilih pilihan pertama sebagai definisi konsep gangguan seksual. Hanya 21.3% dan 29.8% pelaku dan mangsa memilih pilihan kedua sebagai terma gangguan seksual. Begitu juga pelaku (24%) dan mangsa (18%) memilih pilihan ketiga sebagai maksud gangguan seksual. Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa kefahaman subjek kajian tentang terma gangguan seksual adalah terhad. Oleh yang demikian, mereka mungkin beranggapan tingkah laku gangguan seksual hanya berlaku pada satu situasi sahaja, sedangkan pada situasi lain tingkah laku yang serupa dianggap bukan sebagai gangguan seksual. Ini dipersetujui oleh Webb (1991) yang mana mengatakan bahawa ramai orang berfikiran hanya masa tertentu sahaja sesuatu tingkah laku itu dikatakan sebagai gangguan seksual tetapi tidak pada masa yang lain.

Keterbatasan kefahaman tentang terma gangguan seksual ini kemungkinan ada kaitan dengan sumber maklumat yang dirujuk oleh subjek kajian. Hasil dari keputusan kajian didapati bahawa kedua-dua pelaku dan mangsa hanya bergantung kepada media massa khususnya majalah, akhbar, televisyen dan radio untuk mendapatkan maklumat tentang gangguan seksual. Rakan-rakan adalah satu lagi sumber subjek kajian memperoleh maklumat tentang gangguan seksual. Seminar dan kursus serta internet adalah saluran yang kurang sekali memberi maklumat gangguan seksual kepada pelaku dan mangsa.

Berdasarkan keputusan kajian ini boleh dirumuskan bahawa media massa merupakan sumber utama pelaku dan mangsa memperolehi maklumat tentang gangguan seksual. Hal ini tidak boleh dinafikan kerana media massa adalah sumber maklumat yang paling luas dan mudah diperolehi oleh subjek kajian. Oleh itu sebaiknya media massa disaran menyiaran perlakuan yang tidak bermoral ini seluas mungkin untuk menyedarkan masyarakat buruknya etika pelaku gangguan seksual dan tertekannya perasaan mangsa akibat dari perlakuan tersebut. Saranan kerajaan supaya media massa melaporkan tentang gejala-gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat perlulah meliputi tingkah laku gangguan seksual supaya dengan ini dapat menyedarkan minda masyarakat bahawa tingkah laku ini tidak diterima dalam budaya kita.

4.4 Bentuk-bentuk Gangguan Seksual

Kementerian Sumber Manusia (1999) mengkategorikan bentuk-bentuk gangguan seksual kepada lima jenis utama, iaitu

Gangguan Secara Lisan: kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi-bunyian dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau ancaman seksual.

Gangguan Secara Isyarat: isyarat atau bukan lisan yang dilakukan berdasarkan pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan, menjilat bibir, memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks dan tingkah laku mengurat yang berterusan.

Gangguan Secara Visual: bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, menulis surat berunsur seksual, mendedahkan bahagian badan yang sulit yang tidak sepatutnya.

Gangguan Secara Psikologi: mengulangi jemputan sosial yang telah ditolak, memujuk rayu secara berterusan untuk keluar bersama atau bercumbu.

Gangguan Secara Fizikal: sentuhan yang tidak diingini, menepuk, mencubit, mengusap dan menggesel badan, memeluk, mencium dan membuat serangan seksual seperti meraba.

Menurut Thacker dan Gohmann (1996), kategori gangguan seksual seperti di atas boleh dibahagikan kepada dua dan dikenali sebagai *quid pro quo* dan persekitaran bermusuhan (*hostile environment*). *Quid pro quo* berlaku apabila sasaran dijangka akur dengan tingkah laku gangguan seksual kerana mengharapkan ganjaran seperti kenaikan pangkat atau mengelakkan daripada ancaman yang lebih teruk. Persekitaran bermusuhan atau gangguan yang memalukan diertikan sebagai apa-apa pengulangan tingkah laku berunsur luah yang tidak disenangi oleh mangsa seperti senda-gurau, surat-surat, panggilan telefon yang berbau seks. Menurut Gelfand, Fitzgerald & Drasgow (1995) pula bentuk gangguan seksual dikategorikan kepada tiga iaitu a). gangguan gender iaitu berkait dengan sikap terhadap wanita yang membentuk gangguan persekitaran bagi mengganggu pekerja-pekerja wanita supaya melaksanakan tugasnya b) perhatian berunsur seks yang tidak diingini, dan c) paksaan berunsur seks. Kedua-dua kategori yang kemudian termasuk dalam bentuk gangguan *quid pro quo* dan selalunya ditujukan kepada wanita tertentu sahaja.

Kajian ini berdasarkan kepada kategori yang telah diasaskan oleh sarjana-sarjana yang tersebut di atas. Berasaskan piawaian 50% dikirakan sebagai penengah, terdapat 12 daripada 36 bentuk tingkah laku yang dikaji kerap dialami oleh mangsa gangguan seksual. Tingkah laku–tingkah laku itu termasuklah:

Di tepuk	(60%),
Digesel dan diraba badan	(58%),
Direnung atau dilirik yang berunsur luah	(62%)
Diberi isyarat berunsur seks	((60%)
Mendengar perbualan berunsur seks	(54%)
Ditegur dengan kata-kata berunsur seks mengenai tubuh badan	(56%)
Didedah kepada bahan-bahan yang berunsur seks	(74%)

Gurau senda menggunakan bahasa lucah	(74%)
Menjadi sasaran kiasan seks	(66%)
Berdiri atau duduk rapat-rapat sehingga merasa tidak selesa	(68%)
Disentuh bahagian tidak sulit seperti tangan	(52%)
Ditegur dengan kata-kata berbaur seks seperti manis, sayang	(52%)

Keputusan menunjukkan bahawa mangsa telah mengalami kesemua bentuk perlakuan gangguan seksual sama ada quid pro quo atau persekitaran bermusuhan (Thacker dan Gohmann, 1996). Walau bagaimanapun tingkah laku yang paling kerap dialami oleh mangsa ialah didedahkan dengan bahan-bahan lucah dan gurau senda yang mengandungi bahasa lucah. Penemuan ini menyokong penemuan Lai Lee Ching (2001) yang memperolehi keputusan menunjukkan bentuk gangguan seksual yang kerap dialami oleh mangsa adalah berbentuk lisan iaitu kata memuji dan isyarat bermaksud seksual.

Berdasarkan juga piawaian penengah 50% , keputusan kajian menunjukkan terdapat 15 dari 29 tingkah laku gangguan seksual yang kerap dilakukan oleh pelaku. Tingkah laku-tingkah laku tersebut seperti disenaraikan di bawah. Terdapat tiga gangguan seksual yang paling kerap dilakukan oleh pelaku iaitu menjanjikan balasan baik (hadiah, layanan baik) jika bekerjasama dengan perlakuan berunsur seks, merenung rakan sekerja wanita dengan ghairah, dan menyentuh bahagian tidak sulit seperti tangan.

Menyentuh bahagian tidak sulit seperti tangan	70.2%
Menggunakan perkataan yang berbau seks seperti manis, buah hati dll	63.8%
Menepuk rakan berlainan jantina	57.4%
Bergurau dan berkata-ta tentang wanita yang kurang disenangi oleh wanita	51.1%
Memberi layang berbeza sebab ‘dia’ seorang wanita	59.6%
Mamberi komen tentang maruah diri pekerja wanita	51.1%
Berdiri dan duduk rapat dengan pekerja wanita	55.3%
Merenung atau melirik yang mengandungi keinginan seks	55.3%
Menjanjikan balasan baik (hadiah, layanan baik) jika berkerjasama dengan perlakuan berunsur seks	80.9%

Memberi isyarat berunsur seks	63.8%
Menegur dengan kata-kata berunsur seks mengenai tubuh badan	63.6%
Mendedahkan staf wanita dengan bahan berunsur seks	61.7%
Merenung rakan sekerja wanita dengan ghairah	74.5%
Meminta staf wanita bekerja lebih masa walaupun tidak perlu	59.6%
Menegur penampilan staf wanita dengan nada berbaur seks	57.4%

4.5 Personaliti Mangsa Dan Pelaku

Kebanyakan aspek tingkah laku manusia mencerminkan personaliti mereka. Apabila seseorang itu bertingkah laku agreasif adalah dikatakan mempunyai personaliti agresif (Habibah dan Noran Fauziah, 2002). Oleh yang demikian Abd Rahim (2003) menyatakan terdapat hubung kait personaliti dengan perlakuan seseorang yang melakukan tindakan yang berbentuk jenayah. Menurut beliau lagi, orang yang mempunyai personaliti bermasalah seperti ketagihan seks, fobia seks, dan seks maniac mempunyai tendensi yang tinggi melakukan gangguan seksual. Oleh yang demikian kajian ini ingin melihat jenis-jenis personaliti yang dipunyai oleh mangsa dan pelaku gangguan seksual. Sejauhmana terdapat perbezaan personaliti kedua-dua mereka ini.

Kajian-kajian terdahulu tentang sensitiviti terhadap gangguan seksual lebih memfokus kepada gender. Misalnya keputusan kajian oleh Crow, Hariman, Hammond dan Fog, (1955) telah mendapati bahawa lelaki dan perempuan mempunyai orientasi yang berbeza terhadap tingkah laku gangguan seksual. Secara umumnya golongan lelaki mempunyai reaksi yang lebih positif terhadap tingkah laku gangguan seksual. Begitu juga orang lelaki lebih bertoleransi terhadap perlakuan ini berbanding wanita. Tidak banyak kajian dibuat bertujuan mengenalpasti jenis-jenis personaliti yang dipunyai oleh mangsa dan pelaku gangguan seksual.

Kajian ini menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh Sidek (2001) dikenali sebagai Inventori Personaliti Sidek. Inventori ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri

atau tret-tret personaliti seseorang. Inventori ini mengandungi 150 item dan menggunakan format “Ya” dan “Tidak”. Sepuluh item lagi yang bertujuan untuk menguji tahap penipuan dalam mengisi soalselidik telah dikeluarkan. Respon dari subjek kajian kepada item-item yang terkandung dalam inventori ini dapat menerangkan 15 tret personaliti yang kemungkinan dipunyai oleh seseorang subjek kajian. Setiap satu tret dijelaskan berdasarkan tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah

Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa mangsa gangguan seksual tidak mempunyai satu tret personaliti yang di tahap tinggi. Tahap tret personaliti mangsa berada sama ada pada tahap sederhana dan rendah. Tret-tret personaliti mangsa yang berada di tahap sederhana terdiri dari analitikal (45.1%), intelektual (45.1%), introvet (54.9%), Pelbagai (49.0%), sokongan (49.0%), dan agreeasif (56.9%). Manakala tret personaliti mangsa yang berada pada tahap rendah ialah autonomi (62.7%), bersandar (58.5%), ekstrovet (41.2%), mengawal (64.7%), menolong (74.5%), struktur (82.4%), dan pencapaian (64.7%).

Berdasarkan keputusan yang diperolehi tersebut terdapat lima personaliti yang didapati lebih menonjol pada diri mangsa iaitu mencapai peratusan melebihi 60% berbanding lain-lain tret iaitu:-

- | | |
|--------------------|---|
| rendah autonomi – | mangsa lebih suka menerima arahan orang lain dan struktur sosial yang memerlukan keakuratan |
| rendah mengawal - | mangsa lebih selesa dipimpin daripada memimpin. Tret ini menjelaskan bahawa kuasa kawalan mangsa adalah kurang. |
| rendah menolong - | mangsa lebih berfokus kepada diri sendiri. Mereka tidak suka terlibat secara emosi dengan orang lain. |
| rendah struktur - | mangsa lebih suka kepada aktiviti-aktiviti yang tidak berstruktur dan tidak berulang-ulang. |
| rendah pencapaian- | mangsa sangat rendah motivasinya dan tidak begitu kisah tentang peranan status dan kuasa dalam kerjayanya. |

Berbeza dengan tret personaliti pelaku gangguan seksual. Kebanyakan tret personaliti yang dippunyai oleh mereka berada sama ada pada tahap tinggi atau sederhana. Hanya satu sahaja tret yang berada pada tahap rendah 100% iaitu agreasif. Ini bermaksud pelaku-pelaku gangguan seksual ini bukanlah orang yang suka mengkritik orang lain dan tidak mementingkan orang lain. Sebaliknya pelaku-pelaku gangguan seksual ini adalah mereka yang membenarkan orang lain memanipulasikan diri dan perasaannya. Dengan lain perkataan mereka adalah seorang yang pasif. Apabila melihat pada lain-lain personaliti didapati empat tret personaliti berada pada tahap tinggi iaitu autonomi (48.9%), menolong (61.7%), struktur (61.7%), dan pencapaian (57.4%). Manakala tret personaliti yang berada pada tahap sederhana ialah analitikal (46.8%), bersandar (46.8%), ekstrovet (44.7%), intelektual (55.3%), introvet (57.4%), pelbagai (49.0%), ketahanan (43.1%), kritik diri (57.4%), mengawal (51.1%), , dan sokongan (59.6%).

Keempat-empat tret personaliti pelaku yang berada pada tahap tinggi menjelaskan bahawa pelaku adalah seorang yang:-

- | | |
|---------------------|--|
| tinggi autonomi - | pelaku adalah seorang yang sukakan kebebasan sepenuhnya dalam segala tindakan serta dapat mengawal dan menentukan aktiviti sehariannya. |
| tinggi menolong - | pelaku adalah individu yang mempunyai keinginan untuk mencurahkan sempati, kasih sayang, memberi bantuan, dan membuat kebaikan dan kebajikan kepada orang lain. |
| tinggi struktur - | pelaku adalah individu yang suka kepada perkara-perkara struktur, rutin, dan terperinci. Mereka lebih gemarkan kepada kerjaya- kerjaya yang memerlukan kekemasan, peraturan, ketelitian, dan berulang-ulang. |
| tinggi pencapaian - | pelaku adalah individu yang sangat bermotivasi dan suka bersaing dalam mencapai sesuatu matlamat. |

Apabila dibuat perbandingan tret personaliti kedua-kedua mangsa dan pelaku didapati terdapat empat personaliti yang mempunyai perbezaan yang jelas. Pada diri

mangsa personaliti tersebut berada pada tahap rendah, sedangkan pada pelaku adalah pada tahap tinggi. Tret personaliti tersebut ialah autonomi, menolong, struktur dan pencapaian. Misalnya tret autonomi jelas menunjukkan pelaku adalah orang yang ada kuasa dan dominan sedangkan mangsa adalah golongan yang suka diperintah dan mempunyai perasaan ketaatan yang tinggi. Perbezaan tret ini sedikit sebanyak boleh mendorong berlakunya perlakuan gangguan seksual. Ini diakui oleh Dietz-Uhler dan Murrell (1992) yang telah mengkaji tentang sikap terhadap gangguan seksual. Keputusan yang mereka dapati ialah perlakuan gangguan seksual boleh diramal secara signifikan menerusi peranan gender seperti pelajar perempuan dengan profesor lelaki dan begitu sebaliknya. Hal ini menunjukkan siapa golongan dominan lebih cenderung melakukan gangguan seksual ke atas mereka yang di bawahnya.

4.6 Implikasi Kajian Dan Cadangan Langkah-Langkah Pencegahan

Objektif 1: Keputusan kajian ini membuktikan bahawa wujudnya gangguan seksual dalam masyarakat khususnya di tempat kerja. Apabila ada pertanyaan siapa mangsa dan pelaku gangguan seksual, keputusan kajian menunjukkan bahawa kaum wanita adalah mangsa gangguan seksual yang dilakukan oleh kaum lelaki. Ini disetujui oleh Clark (1991) yang menyatakan seramai 57 juta wanita dan 11 juta suri rumah tangga di Amerika Syarikat pernah menjadi mangsa gangguan seksual. Di sini jelas wujudnya diskriminasi jantina di mana kaum lelaki beranggapan diri mereka dominan lalu menganggap kaum wanita sebagai lemah dan boleh ‘diapa-apakan’ . Sikap ini perlu diketepikan oleh kaum lelaki supaya suasana harmoni di tempat kerja dapat dipertingkatkan. Golongan lelaki perlu memandang wanita sebagai makhluk yang perlu dihormati seperti mereka menghormati diri mereka sendiri.

Gangguan seksual merupakan tingkah laku yang tidak bermoral yang mana boleh merendahkan kehormatan kedua-dua mangsa dan pelaku. Dalam memeriahkan kehidupan di alam maya ini, setiap orang iaitu lelaki dan perempuan perlu saling memelihara akhlak antara satu sama lain. Setiap orang jangan memberi peluang dalam hatinya dan dalam

getaran kalbunya walaupun sedikit kecenderungan untuk menunaikan keinginan nafsu termasuklah melakukan gangguan seksual. Dengan mengambil ajaran Islam, sekiranya dituruti beberapa panduan telah dikemukakan boleh mengelakkan berlakunya gangguan seksual. Antaranya:

1. Setiap orang lelaki dan perempuan perlu memelihara auratnya. Orang lelaki dilarang membuka bahagian tubuh antara pusat dengan dua lututnya, dan bagi perempuan pula perlu menutup keseluruhan auratnya kecuali muka dan kedua belah tangan. Antara faktor yang membawa kepada gangguan seksual ialah ketrampilan wanita tersebut (Fiske dan Glick, 1995). Hasil kajian yang ditemui oleh pengkaji-pengkaji ini bahawa wanita yang perawakan seksi dan moden lebih terdedah kepada gangguan seksual. Justeru itulah ajaran Islam mementingkan penjagaan aurat ini supaya perkara-perkara tidak bermoral seperti gangguan seksual ini dapat dielakkan dari berlaku.
2. Setiap orang sama ada lelaki dan perempuan perlu mengelak daripada melakukan perbuatan bersuka-suka dan bermain-main yang boleh membinasakan akhlak dan meransang syahwat. Dalam pergaulan antara pekerja lelaki dan wanita di tempat kerja sama ada sesama jawatan atau berlainan jawatan kadang-kadang terlupa batasan aurat yang perlu dipatuhi. Misalnya cara berkomunikasi sama ada lisan atau bukan lisan – cara bercakap, kontak mata, senyuman pekerja lelaki dan wanita boleh meransang nafsu melakukan gangguan seksual. Ajaran Islam menegaskan sekiranya pandangan lelaki kepada wanita lain terjadi secara tidak sengaja atau menimbulkan syahwat, hendaklah ia memalingkan matanya dari wanita itu, dan jangan kembali memandangnya pada kali yang lain. Kalaualah penegasan Islam ini dituruti oleh pekerja lelaki, secara tidak langsung mereka tidak berkecenderungan hendak melakukan tingkah laku gangguan seksual.

Objektif 2: Perkara kedua yang ditemui dalam kajian ini ialah keterbatasan kefahaman mangsa dan pelaku tentang konsep gangguan seksual. Kebanyakan pekerja sama lelaki atau wanita beranggapan bergurau senda sambil menyentuh anggota badan

yang tidak sulit adalah perkara biasa. Walau bagaimanapun bagi sesetengah pekerja wanita berasa kurang disenang dengan perbuatan tersebut. Justeru itu, pihak bertanggungjawab seperti media, mangsa sendiri, pihak berkuasa perlu perbanyakkan sebaran maklumat mengenai pengertian gangguan seksual supaya semua masyarakat terutamanya pekerja industri dan organisasi memahami erti sebenar terma gangguan seksual ini. Terdapat banyak lagi kaedah yang boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat perlakuan gangguan seksual ini seperti menggunakan poster, iklan, hebahan di televisyen dan sebagainya. Latihan kefahaman konsep gangguan seksual menerusi seminar atau bengkel-bengkel perlu diperbanyakkan dan dipermudahkan kepada orang ramai menyertai supaya terma gangguan seksual ini difahami oleh semua lingkungan masyarakat.

Pendidikan merupakan satu kaedah yang terbaik membangunkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman setiap individu terhadap masalah gangguan seksual. Kebanyakan negara maju telah memperkenalkan pendidikan seks bagi mendedahkan pelbagai isu bagi menimbulkan kesedaran kepada generasi muda mengenai gangguan seksual seperti diskriminasi seksual, hak asasi wanita, hilai-nilai baik dalam hubungan antara lelaki dan wanita, pencabulan dan penderaan seksual, dan sebagainya. Justeru itu sekolah sebagai organisasi sosial perlu menyediakan pendidikan seks ini supaya dapat menyedarkan masyarakat khususnya golongan remaja mengambil rangka tindakan pencegahan masalah gangguan seksual.

Selain itu, masyarakat awam termasuk pekerja-pekerja perlu diberi pendidikan bagi tujuan menyedarkan mereka tentang pelbagai masalah gangguan seksual yang wujud. Peranan media masa, kempen-kempen pencegahan, amaran dan peringatan perlu dilakukan oleh agensi-agensi tertentu seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Sumber Manusia, SUHAKAM, Persatuan Wanita, NGO dan pelbagai pihak. Pendidikan kepada pihak awam ini perlu diperhebatkan dan diperluaskan supaya masyarakat lebih sensitif terhadap ancaman gangguan seksual dan seterusnya mengambil tindakan membentera masalah gangguan seksual.

Objektif 3: Mengenai bentuk-bentuk gangguan seksual yang kerap dialami oleh mangsa dan dilakukan oleh pelaku masih lagi di tahap kurang bahaya. Dengan lain perkataan, gangguan seksual yang dilakukan oleh pelaku dan dialami oleh mangsa belum sampai membawa kepada perbuatan hubungan intim antara lelaki dan wanita. Dengan kata lain, bentuk-bentuk gangguan seksual yang dilakukan masih dalam kategori *quid pro quo* iaitu dalam bentuk sentuhan tempat bukan sulit, pandangan, dan isyarat. Oleh yang demikian langkah-langkah pembenterasan lebih mudah dilakukan seperti menerusi latihan kefahaman gangguan seksual dan kempen-kempen menggunakan poster-poster. Seperkara lagi, golongan wanita perlu berkata secara berani dan terbuka kepada pelaku-pelaku yang mereka tidak menyenangi gangguan seksual yang dilakukan. Ini boleh menyedarkan pelaku-pelaku ini dari bertindak lebih jauh dan memalukan.

Objektif 4: Keputusan yang diperolehi menunjukkan tret-tret personaliti yang dipunyai oleh mangsa gangguan seksual lebih pasif berbanding dengan tret-tret personaliti yang dipunyai oleh pelaku-pelaku. Ini semakin mendorong pelaku gangguan seksual meneruskan tingkah laku ini tanpa segan silu. Oleh itu, golongan wanita perlu menanamkan harga diri yang tinggi supaya mempunyai personaliti yang lebih positif supaya mereka tidak mudah terperangkap sebagai mangsa gangguan seksual. Menurut Carpenter dan DeFrancisco (1998), seseorang yang tinggi harga dirinya akan mempunyai ciri-ciri dalaman yang kuat dan akan memandang dirinya secara positif dan yakin. Menurut beliau lagi mereka yang tinggi harga diri ini lebih berani membuat lapuran ke pihak berkuasa tentang gangguan seksual yang berlaku pada dirinya.

Habibah dan Noran Fauziah (2002) menegaskan mereka yang mempunyai ciri-ciri diri yang negatif lebih berkemungkinan menghadapi masalah dalam hubungan interpersonal dalam persekitarannya. Hasil kajian mendapati mangsa memandang dirinya lebih negatif berbanding pelaku gangguan seksual. Oleh itu ini menambahkan keberanian kepada pelaku melakukan gangguan seksual ini secara berterusan. Justeru itu adalah digalakkan mangsa membentuk personaliti yang positif. Ciri-ciri personaliti yang positif selain daripada kecerdasan termasuklah konsep kendiri positif, harga diri yang tinggi, motivasi pencapaian yang tinggi, sikap positif dalam menghadapi cabaran, tahap

kerisauan yang rendah, kreativiti, ciri kepimpinan yang positif dan pembentukan moral dan nilai yang menyeluruh. Jika dianalisis satu persatu ciri personaliti positif tersebut, jelaslah selain faktor dalaman, setiap pekerja perlu mengambil kira faktor luaran atau perskitaran dalam membentuk personaliti yang positif.

Pendidikan gender antara yang perlu diberi perhatian oleh semua individu supaya masalah gangguan seksual dapat dibenteras. Banyak isu gender berkaitan dengan gangguan seksual perlu diselidik dan diketengahkan bagi membolehkan masyarakat mendapat maklumat dan pengetahuan yang berguna dan menggunakan pengetahuan ini untuk merangka pelan tindakan yang berkesan menangani masalah gangguan seksual. Secara tidak lansung, pendidikan gender dapat membebaskan masyarakat, khususnya wanita daripada gangguan seksual. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan dan menggunakan pendekatan mengikut keadaan dan perubahan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat. Polisi sosial yang berkaitan dengan masalah gangguan seksual perlu diketengahkan untuk membanteras masalah gangguan seksual.

Usaha perlu dibuat bagi meningkatkan nilai-nilai dan tingkah laku yang teratur dan bertanggungjawab. Nilai-nilai murni seperti nilai kemanusiaan, nilai kasih sayang, nilai caring, nilai moral dan etika, nilai bertanggungjawab, dan sebagainya perlu dipertingkatkan supaya perlakuan dan tingkah laku gangguan seksual tidak terus menjalar dalam masyarakat. Nilai hidup yang baik dapat memelihara masyarakat daripada melakukan gangguan seksual yang bertentangan dengan norma hidup yang perlu dipertahankan.

Bagi menangani masalah gangguan seksual, kemudahan khidmat kaunseling perlu diwujudkan di setiap industri dan organisasi bagi membolehkan mangsa gangguan seksual mengadu masalah mereka dan mendapatkan bantuan pakar kaunseling. Peranan kaunseling dalam membantu dan menangani masalah gangguan seksual amat penting dalam masyarakat moden yang mana keadaan hidup dan maslah yang dihadapi begitu rumit dan tidak dapat diselesaikan dengan sendiri. Kaunselor yang profesional, mempunyai latihan dan lesen menjalankan tugas kaunselor mengenai masalah gangguan

seksual perlu diwujudkan di seluruh industri dan organisasi di seluruh negara. Begitu juga kaunselor Islam yang boleh menguruskan hal-hal gangguan seksual mengikut cara Islam perlu difikirkan dan dirangka dalam menyelesaikan masalah gangguan seksual.

4.7 Batasan Kajian Dan Cadangan Untuk Kajian Akan Datang

Pemilihan subjek kajian di kawasan Johor bahru sahaja menyebabkan keputusan yang diperolehi tidak mewakili seluruh wanita yang menjadi mangsa gangguan seksual di Malaysia. Keputusan akan lebih meyakinkan sekiranya sampel kajian diambil dari seluruh wanita yang menjadi mangsa gangguan seksual di Malaysia. Dengan itu langkah-langkah halangan yang lebih mantap mungkin boleh disediakan bukan sekadar bergantung kepada undang-undang sahaja.

Satu perkara lagi, kajian ini hanyalah sekadar huraian deskriptif sahaja. Pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini terutamanya personaliti tidak dikorelasikan dengan lain-lain pemboleh ubah untuk mengetahui tahap kesannya. Terdapat banyak pemboleh ubah-pemboleh ubah yang boleh dihubungkan dengan demografi dan personaliti mangsa dan pelaku untuk mengetahui sejauhmana demografi dan personaliti mangsa dan pelaku ada hubungan atau kesannya kepada pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dipilih. Antara pemboleh ubah yang boleh dikaitkan dengan faktor demografi dan personaliti adalah seperti sikap mengenahkan perlakuan gangguan seksual, kesan ke atas psikologi dan fizikal sama ada mangsa atau pelaku, kesedaran tentang konsep gangguan seksual dan sebagainya. Keputusan yang diperolehi boleh membawa kepada pembentukan modul pencegahan gangguan seksual.

Oleh itu, kajian-kajian tentang konsep gangguan seksual perlu diteruskan dan maklumat-maklumat yang diperolehi perlu disebarluaskan supaya boleh mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini yang didapati semakin meluas. Untuk itu, terdapat banyak sudut yang boleh digunakan untuk meneruskan penyelidikan ke atas konsep ini. Misalnya pengkaji akan datang boleh mengkaji kualiti kehidupan mangsa, mengenalpasti

teknik-teknik pencegahan yang paling berkesan, dorongan kepada mangsa supaya melaporkan ke pihak berkuasa tentang gangguan seksual yang mereka alami, mencari kaedah terbaik bagi mencegah pelaku melakukan gangguan seksual dan sebagainya.

4.8 Kesimpulan

Gangguan seksual tidak boleh dipersepsikan sebagai masalah peribadi dalam sesebuah organisasi. Masalah ini tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan masa depan mangsa dan juga imej organisasi. Oleh itu adalah diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat tentang siapa mangsa dan pelaku gangguan seksual, kefahaman mereka terhadap konsep ini dan bentuk-bentuk gangguan yang kerap dilakukan. Dengan ini, pihak-pihak yang berkuasa boleh menjadikannya sebagai landasan untuk mencari kaedah pencegahan kepada perlakuan gangguan seksual di tempat kerja.

SENARAI RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid , 2003, “Gangguan Seksual : Pengurusan Tingkah Laku dan Perkembangan Gender Dalam Organisasi.” Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Mun’im Yusof. 2001, “Gangguan seksual di tempat kerja: Tahap kesedarannya di kalangan pegawai tadbir”, Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aznan @ Baba Mohamed, 1995, “Kepuasan Kerja Di Kalangan Pekerja Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn. Bhd: Satu Kajian Kes”, Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Backhouse, C. dan Cohen, L. 1981, Sexual Harassment On The Job : How To Avoid Working Women’s Nightmare. New Jersey : Prentice Hall Inc.
- Baldridge, K & McLean, G. 1980, “Sexual harassment: How much of a problem is it..really?”, Journal of Business Education, 56, 294-297.
- Barlow, D.H & Craske, M.G. 1994, Mastery of your anxiety and Panic II: Client work book, Therapy works. From the Psychological corporation.
- Blumenthal, J.A. 1998, “ The reasonable woman standard: A meta-analysis review of gender differences in perception of sexual harassment” , Law and Human Behavior, 22 (1), 35 –37.
- Brewer, V. & Berk, R.A. 1982, “ Beyond nine to five: Introduction”, Journal of Social Issues”, 38, 1 – 8
- Clarck, C.S. 1991, “Sexual harassment: The Issues”, The Congressional Quarterly Researchcer, 1 (13), 539-559.
- Coles, S.F (1986), “Forced To Quit : Sexual Harassment Complaints And Agency Response.” Sex Roles. 14(1-2). 81-95.
- Crow, S. M., Hartmen, S. J., Hammond, D. dan Fok, L.Y. (1995), The Impact of Personality Factors on Sexual and Non-Sexual Harassment Sensitivity, New Orleans: University of New Orleans.

- Crow, S. M; Hartman, S.J; Hammond, D. & Fog, L.Y. 1995. "The Impact of personality factors on sexual and non-sexual harassment sensitivity", Woman in Management Review, 10, 9 – 19.
- Crull, P. (1981), "Stress Effects of Sexual Harassment On The Job : Implications for Counselling" American Journal of Orthopsychiatric. 52 (3). 539-544.
- Curran, D.J & Renzetti, C.M. 1987, Social Problem: Society in Crisis, Massachusetts: Alyn & Bacon. Inc.
- Dato' Lee Lam Thye (1999). "Perspektif : Akta Gangguan seksual?", Dewan Budaya: Kuala Lumpur.
- Dietz-Uhler, B. & Murrell, A. 1992, "College student's perception of sexual harassment: Are gender differences decreasing?" Journal of College Student Development, 33, 540-546.
- Donny Dahlan (2002), "Gangguan Seksual Di Kalangan Staf Sokongan Di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) : Satu Tinjauan", Tesis Sarjana muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Driscoll, D.M., Kelly, J.R., & Henderson, W.I. (1998), " Can perceivers identify likehood to sexually harass?", Sex Role: A Journal of Research, 38, 557-588.
- Earnshaw, J. and Davidson, M. J. (1994), "Remedying Sexual Harassment Via Industrial Tribunal Claim: An Investigation Of The Legal And Psychosocial Process" , Personal Review, United Kingdom.
- Eberhardt, B.J., Moser, S.B. dan McFadden, D. (1999), "Sexual Harassment In Small Government Units : An Investigation of Policies And Attitudes.", Public Personnel Management. 28 (3). 351-364.
- Equal Employment Opportunity Commision (1980), "Guidelines On Discrimination On The Basis of Sex (29 CFR Part 1604)", Federal Register. 45 (219).
- Farley, L. 1978, Sexual Shakedown: The Sexual Harassment of Woman on the Job, New York: McGraw-Hill Book Company.
- Filby, M. (1992). "The Figures, The Personality And The Bums' Service Work And Sexuality Work." Employment and Society.
- Fiske, S.T. dan Glick, P. (1995), "Ambivalence And Streotypes Cause Sexual Harassment : A Theory With Implications for Organizational Change", Journal of Social Issues. 51 (1). 97-115.
- Fitzgerald, L.F. (1993), "Sexual Harassment : Violence Againt Women In The Workplace" , American Psycologist. 48 (10). 1070-1076.

- Fitzgerald, L.F. dan Ormerod, A.J. (1991), “Perceptions of Sexual Harassment : The Influnce of Gender and Academic Contex” , Psychology of Women Quartely. 15. 281-294.
- Frazier, P.A., Cochran, C.C. dan Olson, A.M. 1995, “Social Science Research On Lay Definitions of Sexual Harassment”, Journal of Social Issues. 51 (1). 21-37.
- Gelfand, M.S; Fitzgerald, L.P. Drasgow, F. 1995, “ The structure of sexual harassment: A confirmatory analysis across cultures dan settings”, Journal of Vocational Behavior, 47, 164-177.
- Gilbert, D., Guerrier, Y. dan Guy, J. (1998), “Sexual Harassment Issues In The Hospitality Industry” , International Journal of Contemporary Hospitality Management.
- Gruber, J.E & Bjorn, L. 1982, “Blue –Collar Clues: The sexual harassment of women autoworker”, Work and Occupations, 9, 271 – 295.
- Gutek, B. dan Dunwoody, V. (1987), “Understanding Sex In The Workplace.: Women And Work” , An Annual Review, California : SAGE Publications, Inc.
- Gutek, B.A & Morasch, B. M. 1982, “Sex-ratios, sex-role spillover, and sexual harassment of woman at work”, Journal of Vocational Behavior, 22, 30-48.
- Gutek, B.A. (1985), Sex And The Workplace : Impact of Sexual Behavior And Harassment On Women, Men And Organizations, San Francisco : Jossey-Bass Publishers.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakob. 2002, Psikologi Personaliti, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka
- Hergenhahn, B.R. 1990, An Introduction Theories of Personality, 3rd Edition, New Jersey: Prentice hall.
- Jamaliah Shamsuddin (2003), “Persepsi Pekerja Terhadap Gangguan Seksual Di Tempat Kerja : Satu Kajian Ke Atas Operator Pengeluaran Di Syarikat X Di Shah Alam, Selangor” , Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Jones, T.S; Remland, M.S; & Brunner, C.C. 1987, “ Effects of employment relationship, respond of recipient and sex of rater on perception of sexual”, Perceptual and Motor Skills, 65, 550 – 563.

- Kementerian Sumber Manusia. (1999). "Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja."
- Kenig, S. & Ryan, J. 1986, " Sex differences in levels of tolerance and attribution of blause of sexual harassment on a university campus" , Sex Roles, 15, 535-549.
- Kerlinger, F.N. 1973, Review of research in Education, F.E. Peacock: Itasca.IL.
- Lai Lee Ching. (2001), "Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dan Hubungannya Dengan Tekanan Kerja Dan Kepuasan Kerja", Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Menninger, W.W. 1990, "Anxiety in the psychotherapist", Bulletin of the Menninger Clinic, 54, 232-246.
- Mona Amin Kalhor, (2000), "Impact Of Sexual Harassment Of Women In Work Place: Self-Esteem As A Resilience Factor In Coping And Responding", Phd Dissertation, Carlos Albizu University, Miami, Forida.
- Nielsen, W. R. (1996), Perception of Sexual Harassment : A Female Office Professional's Perspective, Illinois : Illinois State University.
- Paludi, M. A. (1998), The Psycology Of Women, New Jersey : Prentice Hall, Inc.
- Pang Lee Shian. (1993), "Ancaman Seks Dan Wanita : Satu Kajian Perbandingan Sikap Terhadap Ancaman Seks dan Hubungan Dengan Tekanan Di Tempat Kerja Antara Pekerja Kilang Dan Pekerja Kerani" ,Tesis Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Persekutuan Majikan Malaysia. (1999), " Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja.", Malaysia : Malaysian Employers Federation (MEF).
- Philip, W. and Carol, M. C. (2000), Supervised Work Experience and Sexual Harassment, Prentice Hall, United Kingdom.
- Renick, J.C. 1980, "Sexual harassment at work: why it happen, what to do about it", Personnel Journal, 59(8), 658 – 662.
- Saal, K., Johnson, C. dan Weber, H. (1989), "Friendly or Sexy?. It May Depand On Whom You Ask", Psychology of Women Quartely. 13. 263-276.
- Sabitha Marican (1999). "Persepsi Terhadap Gangguan Seksual di Tempat Kerja Di Kalangan Pentadbir di Sektor Awam." Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- Sabitha Marican (2001), "Gangguan Seksual Di Institusi Pengajian Tinggi", Pemikir. 241-266.

- Sandroff, R. (1992), "Sexual Harassment : The Inside Story Of Working Woman. Psychology of Women Quarterly. 14. 263-276
- Sekaran, V. (1992), Research Methods For Managers – A Skill Building Approach, New York : John Wiley and Sons.
- Sheffey, S. dan Tindale, R.S. (1992) "Perceptions of Sexual Harassment : Working Women's Dilemma", Building Feminist Theory : Essays From Quest, Canada: Longman Inc.
- Silverman, D. 1981, "Sexual harassment: Working women's dilemma", Building Feminist Theory: Essay From Quest, Canada: Longman Inc.
- Sinclair, D. dan Anor (1994), "What is Sexual Harassment – Society for Human Resource Management ", Sumber Internet : <http://www.spsm.com.my>
- Siti Fatimah Abd Rahman (1999), "Kod Amalan Untuk Mencegah dan Menghalau Gangguan Seksual Di Tempat Kerja : Cerminan Dari Kacamata Islam." Kuala Lumpur : Institut Kemahiran Islam Malaysia.
- Tangri, S.S., Burt, M.R. & Johnson, L.B. (1982), "Sexual Harassment At Work : Three Explanatory Models", Journal of Social Issues, 38 (4). 33-54.
- Tata, J. 1993, " The Structure and phenomenon of sexual harassment: Impact of category of sexually harassing behavior, gender, and hierarchical level", Journal of Applied Social Psychology, 23 (3), 199 – 211.
- Terpstra, D.E. & Cook, S.E. 1985, " Complainant characteristics and reported behavior and consequences associated with formal sexual harassment charges", Personnel Psychology, 38, 559 – 574.
- Thacher, R. & Gohmann, S. 1993, " Male/female differences in perceptions and effect of hostile environment sexual harassment: Reasonable assumption?", Public Personnel Management, 22, 461-473.
- Till, F.J. 1980, Sexual harassment: A report on the sexual harassment of student WashingtonsD.C: National Advisory Council on women's education program.
- Webb, S. 1991, "Stepoward sexual harassment in the work place: What you need to know", Mastermedia, Martin Cook Associates Ltd . Manufactured in the US of America.
- Young, L.J. 2001, "Factors related to perception of sexual harassment among African American women on college campuses", PhD Dissertation Abstract.
- Zaiton Nasir (1990), "Ancaman Seks Di Pejabat", Dewan Masyarakat. 7 (12). 38.